

Bil. 71

**Khamis
28 November 1996**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT**

**PARLIMEN KESEMBILAN
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

(Ruangan 1)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1997

Jawatankuasa:

Jadual -

Maksud B.28, B.29, B.30, B.31, B.32 dan B.33

(Ruangan 12)

Maksud B.34

(Ruangan 36)

USUL-USUL:

Anggaran Pembangunan 1997

Jawatankuasa:

Maksud P.28, P.31, dan P.53

(Ruangan 12)

Maksud P.34

(Ruangan 36)

Oktober, 1996.

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Mohamed Zahir bin Haji Ismail, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu)
- Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh)
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie anak Irok, P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' (Dr.) Haji Abu Hassan bin Haji Omar, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T. P.I.S. (Kuala Selangor)
- “ Menteri Pendidikan, Dato' Seri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan)
- “ Menteri Penerangan, Dato' Mohamed bin Rahmat, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Sabbaruddin Chik, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh)
- “ Menteri Sumber Manusia, Dato' Lim Ah Lek, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Annuar bin Haji Musa, S.I.M.P. (Peringat)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas)
- “ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Datuk Osu bin Haji Sukam, P.G.D.K. (Papar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datin Paduka Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Sik)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Mustapa bin Mohamed, D.P.M.S. (Jeli)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Tuan Ong Tee Keat, S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin, P.G.D.K. (Kinabatangan)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Megat Junid bin Megat Ayob, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Haji Sulaiman, D.I.M.P. (Paya Besar)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Railey bin Haji Jaffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Raja Dato' Ariffin bin Raja Sulaiman, D.S.D.K., S.M.S. (Baling)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.B.K., J.B.S. (Mukah)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Drs. Suleiman bin Mohamed, D.P.M.S. (Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Teng Gaik Kwan, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tuan Peter Chin Fah Kui, P.B.S., A.B.S. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tuan Kerk Choo Ting (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Dr. Haji Tengku Mahmud bin Tengku Mansor, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Wong See Wah, D.S.N.S. (Rasah)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok)
- “ Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Tuan Ong Ka Ting (Pontian)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Ibrahim bin Saad, D.M.S.M. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Abu Bakar bin Daud, D.S.M.T., D.S.A.P., D.P.M.T., J.M.N., P.J.C., P.J.K. (Kuala Terengganu)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Wira Mohd. Ali bin Mohd. Rustam, D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M. (Batu Berendam)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Goh Cheng Teik (Nibong Tebal)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Cik Siti Zainab binti Abu Bakar, S.M.J. (Tebrau)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Tuan Idris bin Jusoh, P.J.K. (Besut)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Dato' M. Mahalingam, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Subang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Mohd. Noh bin Rajab, D.S.N.S. (Tampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Tuan Douglas Uggah Embas, A.B.S., P.B.S. (Betong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Tuan Yong Khoon Seng (Padawan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Dr. Haji Shafie bin Mohd. Salleh, S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Chor Chee Heung (Alor Setar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Hishamuddin bin Tun Hussein, D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, Dato' Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Tuan G. Palanivel, P.J.K. (Hulu Selangor)

- Yang Berhormat Tuan Abdol Mulok bin Haji Awang Damit (Labuan)
- “ Tuan Abdul Aziz bin Mohd. Yassin (Muar)
- “ Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Jasin)
- “ Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)
- “ Tuan Abdul Rahin bin Dato' Mohd. Said (Kuala Nerus)
- “ Tuan Abdul Rahman bin Haji Sulaiman, S.S.A., A.M.N., A.M.S., A.M.P., A.D.K. (Parit Buntar)
- “ Datuk Patinggi Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan)
- “ Datuk Abu Seman bin Haji Yusof, D.M.S.M., J.P., B.K.T. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang, D.S.N.S., A.M.N. (Kuala Pilah)
- “ Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Tuan Ahmad Kamaruzaman bin Mohamed Baria, P.J.K. (Jerantut)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Puan Ainon Khariyah binti Dato' Mohd. Abas, P.M.P., A.M.P. (Parit)
- “ Tuan Akbarkhan bin Abdul Rahman (Libaran)
- “ Tuan Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Tuan Asmat Nungka (Beluran)
- “ Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin, D.S.D.K., B.K.M., P.J.K. (Yan)
- “ Tuan Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang)
- “ Tuan Haji Buniyamin bin Yaakob (Bachok)
- “ Tuan Chang Kon You (Ipoh Timor)
- “ Che Ibrahim bin Mustafa, P.J.K. (Sungai Petani)
- “ Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Tuan Chiew Chiu Sing (Bintulu)

- Yang Berhormat Dato' Joseph Chong Chek Ah, D.S.P.N. (Batu)
- “ Puan Chua Soon Bui (Tawau)
- “ Tun Daim bin Haji Zainuddin, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Tuan Fu Ah Kiow (Mentakab)
- “ Tuan Hamzah bin Ramli (Sri Gading)
- “ Dato Haji Hanafi bin Ramli, D.S.D.K., S.M.S., K.M.N., A.M.K., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Jerlun)
- “ Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Tuan Henrynus Amin, A.D.K. (Kinabalu)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P., P.M.P. (Kampar)
- “ Tuan Ho Cheong Sing, A.M.N. (Ipoh Barat)
- Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Haji Ibrahim bin Mahmood (Kuala Krai)
- “ Tuan Ibrahim bin Pateh Mohamad (Tanah Merah)
- “ Puan Hajah Ilani binti Dato' Haji Isahak (Kota Bharu)
- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis, D.I.M.P., S.A.P. (Rompin)
- “ Tuan James Jimbun Anak Pungga, P.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Jawah Anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim @ Jimmy Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh Anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Joseph Pairin Kitingan (Keningau)
- “ Dato' Dr. Kamal bin Salleh, D.S.P.N., K.M.N., P.K.T., J.M.N. (Wangsa Maju)
- “ Tuan Kamarudin bin Ahmad (Arau)
- “ Tuan R. Karpal Singh (Jelutong)
- “ Dr. L. Krishnan, P.M.C., A.M.N. (Telok Kemang)
- “ Tuan Lau Ngan Siew, A.D.K. (Sandakan)

Yang Berhormat	Dr. Lee Chong Meng (Bukit Bintang)
“	Dr. G. Leelavathi, A.M.N. (Kapar)
“	Tuan Liew Ah Kim (Seputeh)
“	Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka)
“	Tuan Lim Hoçk Seng (Bagan)
“	Tuan Lim Kit Siang (Tanjong)
“	Tuan Vincent Lim Kuo Phau (Petaling Jaya Utara)
“	Puan Lim Lay Hoon, P.P.N., B.K.M. (Padang Serai)
“	Tuan Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Tuan Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
“	Dato’ Haji Mahbud bin Haji Hashim, D.S.S.A., A.S.A., P.J.K. (Sabak Bernam)
“	Tuan Mansor bin Masikon (Batu Pahat)
“	Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
“	Tuan Md. Isa bin Sabu (Kangar)
“	Tuan Michael Lisa Kaya, B.B.S. (Bukit Mas)
“	Tuan Haji Mohamad bin Sabu (Kubang Kerian)
“	Tuan Haji Mohamed bin Haji Abdullah (Pasir Puteh)
“	Tuan Mohamed Khaled bin Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
“	Datuk Mohd. Salleh bin Tun Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Dato’ Haji Mohd. Zihin bin Haji Mohd. Hassan, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Larut)
“	Tuan Mokhtaruddin bin Wan Yusof (Dungun)
“	Tuan Haji Mustafa bin Muda, A.M.N., A.M.T., P.P.N., P.J.K. J.P. (Hulu Terengganu)
“	Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Noh bin Omar, P.J.K. (Tanjong Karang)
“	Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi (Balik Pulau)
“	Datuk Nurnikman bin Abdullah (Beaufort)

- Yang Berhormat Tuan Ong Tin Kim (Teluk Intan)
- “ Dato’ Othman bin Abdul, D.S.S.A., A.M.P., P.P.T. (Pendang)
- “ Dr. Patau Rubis, P.B.S. (Mas Gading)
- “ Tuan Paul Noutin, A.D.K. (Penampang)
- “ Tuan Philip Yong Chew Lip, A.D.K. (Gaya)
- “ Dato’ Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai)
- “ Tuan Radin Malleh (Tenom)
- “ Dr. Ramli bin Taib (Kemaman)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot Anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew (Sibu)
- “ Puan Rohani binti Abd. Karim, P.P.B. (Santubong)
- “ Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad, P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Dato’ Salamon bin Selamat, D.P.M.S., S.S.A., A.M.S., P.J.K. (Shah Alam)
- “ Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang)
- “ Puan Seripah Noli binti Syed Hussin (Sepang)
- “ Datuk S’ng Chee Hua, D.S.N.S., P.G.D.K. (Julau)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.D.K. (Bandar Kuching)
- “ Cik Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Dato’ Haji Sukri bin Haji Mohamed, D.J.M.K., J.P. (Machang)
- “ Dr. Tan Chong Keng (Bukit Mertajam)
- “ Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Dr. Tan Yee Kew (Kelang)

- Yang Berhormat Tuan Tiong Thai King (Lanang)
- “ Tuan Tue Si @ Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman, B.K.M. (Pokok Sena)
- “ Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.B.S. (Batang Lupar)
- “ Tuan Haji Wan Mohd. Jamil bin Wan Mahmood (Tumpat)
- “ Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Dato' Yap Pian Hon, D.M.P.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- “ Dr. Yap Yit Thong, A.M.P., A.M.N. (Lumut)
- “ Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- “ Tuan Yeong Chee Wah (Batu Gajah)
- “ Tuan Yunof Edward Marinking (Tuaran)
- “ Tuan Yunus bin Rahmat (Jelebu)
- “ Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, A.D.K. (Sipitang)
- “ Tuan Zainal Abidin bin Osman (Mersing)
- “ Tuan Haji Zainuddin bin Haji Mohamad Nor, S.M.K. (Pasir Mas)
- “ Dato' Haji Zakaria bin Mohd. Said, D.S.D.K., S.M.K., K.M.N., P.J.K.
(Kuala Kedah)

**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN
PARLIMEN MALAYSIA**

Setiausaha Dewan Rakyat	:	Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.
Ketua Penolong Setiausaha	:	Said bin Sidik
Penolong Setiausaha Kanan	:	Zamani bin Haji Sulaiman
Penolong Setiausaha	:	Haji Mustakin bin Selamat

CAWANGAN DOKUMENTASI

Pegawai Penerbitan	:	Azhari bin Hamzah Monarita binti Mohd. Hassan
Pelapor Perbahasan Parlimen	:	Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop, P.P.N. Haji Suhor bin Husin Mohd Saleh bin Mohd. Yusop Hajah Supiah binti Dewak Mohamed bin Osman Hajah Norishah binti Mohd. Thani Zaharah binti Naim Norwahidah binti Azizi Jainah binti Sakimin Shamsina binti Janor
Pembaca Pruf	:	Abu Bakar Hasan

CAWANGAN BENTARA

Bentara Mesyuarat	:	Lt Kol (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib Mejar (B) Zakaria bin Salleh
-------------------	---	--

MALAYSIA
DEWANRAKYAT

Khamis, 28 November 1996

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

D O A

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPANMULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, sebelum itu, rombongan kaum wanita daripada Kelantan datang ke Dewan tetapi kita tengok wakil PAS Parlimen ada seorang sahaja. Saya hendak beritahu sahaja. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang pertama.

**DOKTOR/DOKTOR PAKAR BERHENTI
DARI PERKHIDMATAN KERAJAAN -
BILANGAN**

1. Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin [Yan] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramaikah doktor-doktor dan doktor pakar yang telah berhenti dari perkhidmatan sehingga kini dan adakah kerajaan bercadang untuk mengadakan skim gaji dan perkhidmatannya sendiri seperti Angkatan Tentera, Polis bagi memastikan gaji doktor ini lebih lumayan dan skim perkhidmatan yang baik bagi mengelakkan mereka meninggalkan perkhidmatan kerajaan; dan
- (b) berapa ramaikah doktor-doktor dan pakar dari luar negeri yang berkhidmat di Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Dato' M. Mahalingam]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kedatangan rombongan wakil wanita dari Kelantan. *[Tepuk]*

Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan:

- (a) Jumlah doktor-doktor dan doktor pakar yang berhenti dari perkhidmatan kerajaan dari tahun 1990 hingga 4 Oktober 1996 adalah seramai 2,072 orang. Dari jumlah tersebut seramai 214 orang adalah merupakan doktor pakar.

Setakat ini kerajaan tidak ada cadangan untuk mengadakan skim gaji dan perkhidmatan sendiri seperti Angkatan Tentera dan Polis. Walau bagaimanapun, bagi mengelakkan mereka daripada meninggalkan perkhidmatan kerajaan, Kementerian Kesihatan telah pun mengemukakan cadangan pembaikan ke atas skim perkhidmatan pegawai perubatan dan beberapa kemudahan serta insentif yang lebih baik untuk kelulusan Jabatan Perkhidmatan Awam.

- (b) Pada masa ini seramai 353 doktor dan doktor pakar luar negeri berkhidmat di Malaysia. Dari jumlah tersebut seramai 228 doktor dan 115 doktor pakar sedang berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan secara kontrak. Hanya seramai 10 orang doktor pakar yang berkhidmat dengan hospital swasta di negara kita.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan agak begitu ramai doktor kita meninggalkan perkhidmatan mereka dengan kerajaan dan ini saya kira telah merugikan kerajaan kerana kita telah memberi biasiswa untuk pelajaran dan sebagainya walaupun mereka terpaksa membayar balik, tetapi kepakaran mereka itu telah hilang. Jadi, agak-agak bilakah skim ini sebab sudah banyak kali kata hendak buat, hendak buat, hendak buat, tetapi bilakah skim ini akan diimplementasikan dan di manakah kelewatannya, sama ada di Kementerian Kesihatan, di JPA atau Kementerian Kewangan yang lewat-lewatkan skim ataupun ganjaran terbaik yang perlu kita beri kepada doktor supaya kita tidak perlu menggunakan doktor-doktor daripada negara asing?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kita ada bincang dengan JPA pada dua minggu yang lalu di mana kita fikir tidak lama lagi mereka akan keluarkan keputusan.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita sudah dimaklumkan berulang kali bahawa kerajaan sedang membuat kajian untuk mengiktirafkan doktor-doktor dari Universiti Taiwan dan India. Jadi, saya ingin tahu sama ada kajian itu sudah selesai dibuat? Kalau sudah, apakah keputusannya? Kalau belum, mengapa ia mengambil masa begitu lama?

Dato' M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, kajian sedang dijalankan. *[Ketawa]*

**PENCEMARAN ALAM SEKITAR - KAJIAN
KE ATAS CARI GALI MINYAK**

2. **Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menerangkan sama ada peraturan-peraturan mengenai kawalan pencemaran alam sekitar berkaitan dengan mencari gali minyak petroleum di Malaysia memadai untuk menghalang pencemaran dan Petronas dan Shell menggunakan bahan berasaskan air dalam proses mencari gali minyak, manakala ada satu lagi syarikat minyak petroleum yang masih menggunakan bahan berasaskan minyak untuk proses yang sama. Adakah pihak kementerian menjalankan kajian-kajian mengenai proses tersebut dan apakah kesimpulan kajian tersebut mengenai kesan ke atas alam sekitar.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Abu Bakar bin Daud]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, aktiviti mencari gali petroleum adalah tertakluk kepada Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 1987. Pemaju projek berkenaan dikehendaki mengemukakan laporan penilaian kesan kepada alam sekeliling (environmental impact assessment) dan perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Alam Sekeliling sebelum menjalankan kerja-kerja mencari gali.

Penggunaan bahan berasaskan minyak hanya dibenarkan bagi kawasan kerja-kerja cari gali di mana kaedah menggunakan bahan berasaskan air sukar dijalankan. Berdasarkan beberapa keputusan kajian yang dijalankan, kementerian ini mendapati penggunaan bahan berasaskan minyak bagi proses mencari gali tersebut tidak mendatangkan kesan ketara ke atas alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk S'ng Chee Hua.

[Soalan No. 3 - Y.B. Datuk S'ng Chee Hua (Julau) tidak hadir]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan R. Karpal Singh.

Tuan R. Karpal Singh: Tuan Speaker, saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan rombongan wanita dari Kelantan bagi pihak parti pembangkang termasuk PAS. *[Ketawa]*

Tuan Speaker, soalan yang ke-4.

**RAKYAT FILIPINA MENETAP SEMENTARA
DI SABAH - KENYATAAN GABENOR NUR
MISUARI**

4. **Tuan R. Karpal Singh [Jelutong]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan reaksi kerajaan terhadap Pengerusi MORO National Liberation Front, Nur Misuari, yang baru-baru ini komited menyambut balik dan penempatan semula rakyat Filipina yang dapat perlindungan di Sabah yang diakibatkan daripada peperangan pengikut fahaman pemisahan lebih kurang dua dekad yang lalu di negara Filipina Selatan.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Malaysia mengalu-alukan kenyataan Gabenor Nur Misuari untuk menerima kembali rakyat Filipina yang menetap secara sementara di negeri Sabah akibat dari pergolakan di selatan Filipina.

Adalah menjadi harapan Malaysia bahawa dengan termeterinya perjanjian damai ini di antara MORO National Liberation Front (MNLF) dengan Kerajaan Filipina baru-baru ini dan pembangunan ekonomi yang akan dicapai di selatan Filipina kelak akan menjadi daya tarikan kepada pendatang-pendatang Filipina yang menetap di negeri Sabah kembali ke negara asal mereka.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kenyataan ada dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri mengenai peruntukan pendatang asing tanpa izin ke Sabah yang mungkin tidak ada dokumen pengenalan dan justeru itu tidak mungkin diakui oleh negara Filipina sebagai rakyat mereka. Jadi, soalan saya apakah pendirian kerajaan mengenai mereka ini berhubung dengan 'status person'?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mengenai status mereka ini ialah sebetulnya yang mana dinyatakan oleh Yang Berhormat tadi adalah di bawah jurisdiction Kementerian Dalam Negeri. Walau bagaimanapun, saya nyatakan di sini bahawa usaha kita menyokong seruan dari pihak Gabenor Misuari ini untuk menerima balik pendatang-pendatang dari Filipina dan kita berharap masalah ini akan diatasi bila pembangunan ekonomi dan kestabilan politik wujud di rantau itu kemudian.

**ROAD TAX - TIADA CADANGAN
MENGURANGKAN BAYARAN BAGI SEMUA
JENIS KERETA**

5. Tuan Joseph Mauh anak Ikeh [Selangau] minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kementerian itu bercadang mengkaji semula untuk mengurangkan bayaran road tax bagi semua kereta termasuk teksi dan kereta sewa yang beroperasi di seluruh negara yang masih menggunakan jalan-jalan kampung, jalan tanah merah yang tidak bertar, terutamanya di kawasan luar bandar di Sarawak dan Sabah.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada masa ini kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar bayaran lesen kenderaan ataupun cukai jalan bagi kenderaan bermotor di seluruh negara termasuk kawasan-kawasan yang dibangkitkan. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Hanafi bin Ramli: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen atas jawapan. Adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan tarif pembayaran road tax yang baru. Misalannya ada jenis-jenis kenderaan yang digunakan pada waktu malam sahaja, jadi itu satu road tax untuk dia. Ada kenderaan yang guna pada siang sahaja, jadi itu satu road tax dia. Jadi, kalau ada kereta yang diguna seminggu sekali, itu satu road tax dia. Ya, pasal negara kita ini sudah maju, Tuan Yang di-Pertua, jadi ada orang yang dia pakai kereta, dia hendak guna seminggu sekali sahaja. Jadi, kalau dia kena bayar road tax sama macam orang lain juga, barangkali dia tidak minta, pohon jawapan. Terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya terima kasih kepada Yang Berhormat dari Jerlun. Cadangan yang dicadangkan adalah cadangan pertama kali saya dengar, kerana saya difahamkan di seluruh dunia ini memang tidak ada sesebuah negara yang mempunyai pelbagai macam road tax ataupun kadarnya. Tuan Yang di-Pertua, satu lagi memang dari segi teknikalnya tidak munasabah, sebab kita tidak tahu sama ada sebuah kenderaan diguna untuk siang hari atau malam. Ini susah dari segi 'inforcement', dengan izin. Terima kasih. [Ketawa]

Tuan Chiew Chiu Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan dua cukai jalan yang berbeza bagi

Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Memandangkan tahap jalan raya di Sabah dan Sarawak bermutu rendah, rosak dan cepat merosakkan kenderaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, dari segi soalan yang dikemukakan, memang bagi pihak kerajaan buat masa ini tidak mempunyai cadangan untuk mempunyai dua jenis pembayaran road tax dari segi kadarnya. Sebab, walaupun terdapat banyak batang jalan-jalan di negeri Sarawak atau Sabah tidak begitu sempurna tetapi dari segi kos penyelenggaraan juga harus kerajaan bertanggungjawab. Hanya tempat macam Langkawi di mana jalan-jalan begitu terhad, yang mana kenderaan tidak dapat lalu dan tidak begitu banyak, jalan-jalan jauh di Pulau Langkawi, kemungkinan itu dapat dipertimbangkan. Sekian, terima kasih.

**PROJEK PEMBANGUNAN RAKYAT
TERMISKIN - JUMLAHNYA**

6. Tuan Haji Mustafa bin Muda [Hulu Terengganu] minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan mengenai projek Pembangunan Rakyat Termiskin secara berkelompok:

- (a) berapakah jumlah rancangan Pembangunan Rakyat Termiskin secara berkelompok yang telah dapat dilaksanakan dalam negara ini mengikut negeri-negeri dalam Malaysia; dan
- (b) berapakah jumlah kawasan-kawasan yang telah dikenal pasti dan akan dimajukan program-program Pembangunan Rakyat Termiskin dalam negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar [Tuan Douglas Uggah Embas]: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) setakat ini terdapat sejumlah 47 rancangan Pembangunan Rakyat Termiskin berkelompok yang telah dilaksanakan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, jumlah pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

(i) Johor	-	1
(ii) Kedah	-	13
(iii) Kelantan	-	2
(iv) Pahang	-	3
(v) Pulau Pinang	-	2
(vi) Perak	-	1
(vii) Perlis	-	2
(viii) Selangor	-	4

- | | | |
|-----------------|---|----|
| (ix) Terengganu | - | 11 |
| (x) Sabah | - | 6 |
| (xi) Sarawak | - | 2 |
- (b) Kerajaan setakat ini telah mengenal pasti enam kawasan yang akan dimajukan di bawah Program Pembangunan Rakyat Termiskin secara berkelompok seperti berikut:-
- | | | |
|----------------|---|---|
| (i) Kedah | - | 1 |
| (ii) Perak | - | 1 |
| (iii) Pahang | - | 1 |
| (iv) Perlis | - | 1 |
| (v) Terengganu | - | 1 |
| (vi) Johor | - | 1 |

Tuan Kamaruddin bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan, tadi Yang Berhormat menyebut dalam jawapannya terdapat beberapa projek bagi tiap-tiap negeri khususnya mengenai Pembangunan Rakyat Termiskin secara berkelompok. Apabila dimaksudkan berkelompok, apakah kemudahan-kemudahan yang diperolehi oleh anggota PPR T yang memungkinkan mereka keluar daripada tahap kemiskinan mereka? Terima kasih.

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan mengambil pelbagai pendekatan untuk mengatasi masalah rakyat miskin ini. Di antaranya ialah Program Berkelompok, bermakna kita menggalakkan keluarga-keluarga termiskin ini bekerjasama untuk menjalankan satu usaha yang dapat 'commercial available' dan oleh yang demikian, dapat meningkatkan pendapatan mereka atas garis kemiskinan.

Dengan itu juga, kita ada program-program yang lain seperti Pembangunan Insan, pembangunan untuk memberi latihan untuk meningkatkan kemahiran mereka supaya mereka dapat mengambil peluang untuk bekerja di tempat-tempat yang lain di mana pendapatan mereka dapat ditingkatkan. Dengan program demikian, kita telah berjaya untuk membantu lebih 30,000 keluarga termiskin untuk keluar dari senarai rakyat termiskin.

Tuan Haji Abdul Hadi bin Haji Awang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sejauh manakah rancangan pembangunan tersebut dapat menaikkan taraf yang boleh mengeluarkan mereka daripada belunggu keadaan termiskin kepada keadaan yang lebih baik, boleh berdikari dan sejauh manakah peratusan pencapaian yang dicapai?

Tuan Douglas Uggah Embas: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Yang Berhormat telah mendengar Laporan Ekonomi khususnya apabila Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri membentangkan Belanjawan baru-baru ini telah menunjukkan bahawa kadar kemiskinan di negara kita telah pun menurun. Begitu juga dari segi kejayaan kita untuk menurunkan jumlah rakyat termiskin ini, saya telah beritahu tadi, bahawa sekarang kita telah berjaya menurunkan lebih 30,000 keluarga. Jadi, kita yakin dalam tahun 2000, kita dapat menurunkan ini kepada 0.5%. Maka oleh itu, kita penuh yakin beberapa program kita itu berjaya melainkan ada halangan-halangan lain di negeri-negeri tertentu.

LAPANGAN TERBANG KOTA KINABALU - CADANGAN PEMINDAHAN

7. Tuan Yunof Edward Maringking [Tuaran] minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada kementerian bercadang memindah Lapangan Terbang Kota Kinabalu ke Kawasan Pantai Tuaran memandangkan kemudahan-kemudahan yang baik sedia ada seperti lebuhraya ke Kota Kinabalu dan jarak jauhnya dari Pulau Labuan.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, soalan ini adalah berkaitan dengan soalan yang telah pun dikemukakan oleh Yang Berhormat dari Beaufort pada 14hb. November 1996 di mana kementerian saya telah pun menyatakan bahawa buat masa sekarang kerajaan tidak ada rancangan untuk memindahkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu ke tapak yang baru kerana kemudahan-kemudahan yang terdapat adalah mencukupi untuk mengendalikan trafik yang ada sekarang dan untuk masa akan datang. Tetapi walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya sentiasa meneliti perkembangan semua lapangan terbang domestik ataupun antarabangsa dalam negara kita dari segi pembangunan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yunof Edward Maringking: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan negeri baru-baru ini telah mengemukakan dua kawasan untuk dipertimbangkan oleh pihak kementerian untuk pemindahan Lapangan Terbang Antarabangsa di Kota Kinabalu. Ini menunjukkan bahawa kerajaan negeri sedar tentang keperluan itu dan untuk maksud perancangan jangka masa panjang, sudah tentu kementerian dan kerajaan negeri perlu mengenal pasti kawasan itu. Jadi, adakah kementerian telah mengenal pasti di antara satu kawasan yang dikemukakan oleh pihak kerajaan?

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar ada cadangan dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan tentang pembinaan lapangan terbang yang baru. Tetapi buat masa ini adalah masih terlalu awal dan saya tidak dapat memberi maklumat yang lebih lanjut dan dari segi pendirian Kementerian Pengangkutan, pada masa ini tidak perlu lagi supaya sebuah lapangan terbang antarabangsa yang baru dibina di tempat lain dalam negeri ini.

PEMBANGUNAN KOPERASI DI SELURUH NEGARA - PROGRAM PENINGKATAN

8. Puan Rohani binti Abd. Karim [Santubong] minta Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi menyatakan apakah program yang diatur oleh kementerian untuk peningkatan pembangunan koperasi di seluruh negara dan apakah keberkesanan program-program yang dijalankan pada masa lepas.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman]: Tuan Yang di-Pertua, bagi meningkatkan pembangunan koperasi di seluruh negara, pihak kementerian melalui Jabatan Koperasi telah melaksanakan beberapa program dan strategi di antaranya ialah:

- (i) pendidikan dan latihan dalam bidang pengurusan serta pengurusan kewangan dan perakaunan;
- (ii) pemberian bantuan dan geran pembangunan melalui peruntukan pembangunan dan pinjaman mudah (soft loan), dengan izin;
- (iii) penerbitan panduan-panduan risalah-risalah;
- (iv) kajian dan penyelidikan aktiviti yang boleh meningkatkan keupayaan koperasi;
- (v) khidmat bimbingan secara terus melalui klinik perakaunan dan kaunter khidmat nasihat;
- (vi) penurunan kadar cukai bagi koperasi-koperasi; dan
- (vii) anugerah kualiti kepada koperasi-koperasi terpilih untuk menggalakkan budaya kerja cemerlang dan amalan pengurusan yang baik dalam koperasi.

Tuan Yang di-Pertua, daripada program-program yang dijalankan pada masa-masa yang lepas, Program Bantuan Kewangan telah berjaya membantu membangunkan koperasi-koperasi yang mempunyai masalah kewangan dan pengurusan dalam menjalankan aktiviti yang bermanfaat dan berdaya maju. Sementara itu, dalam tahun 1996

sehingga bulan Oktober, sebanyak 29 buah koperasi telah diberi bantuan dan sebanyak 61 buah koperasi diberi pinjaman mudah yang berjumlah RM16.4 juta.

Kementerian melalui Jabatan Pembangunan Koperasi telah berjaya membantu menubuhkan gabungan konsortium koperasi dalam aktiviti kepenggunaan di samping menyediakan bantuan kewangan kepada gabungan yang bakal ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, Program Anugerah Kualiti kepada koperasi-koperasi untuk menunjukkan prestasi yang cemerlang yang diadakan setiap tahun telah berjaya menambahkan bilangan koperasi yang berprestasi baik dan layak dipertimbangkan untuk anugerah ini dari tahun ke tahun.

Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tahniah kepada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Mengenai Program Peningkatan Pembangunan Koperasi, sejauh manakah kementerian berhajat untuk turn-around, dengan izin atau memulihkan dan mempertingkatkan koperasi-koperasi yang boleh dijadikan sebuah badan korporat seperti yang berlaku pada KUB? Dan sejauh ini berapakah agaknya koperasi-koperasi yang dapat dipertingkatkan untuk disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya pindaan kepada Undang-undang Koperasi yang telah dibuat tempoh hari adalah satu watershed, dengan izin, untuk mengizinkan badan-badan koperasi bertindak dengan lebih cergas lagi, seterusnya mengikut jejak badan-badan korporat seperti mana dimaklumkan oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Yang di-Pertua, melalui program-program yang telah kita adakan, memilih untuk ke jalan korporat adalah diserahkan semata-mata kepada badan-badan koperasi. Kalau mereka ingin lakukan, maka kementerian akan membantu.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, melalui bantuan yang telah kita berikan, sukacita saya maklumkan bahawasanya kalau kita lihat kejayaannya, pada tahun 1993 hingga 1995, kita tengok bahawa jumlah aset badan-badan koperasi ini meningkat daripada RM8,000 juta pada tahun 1993 kepada RM10,000 juta, iaitu sebanyak RM2,000 juta ataupun 25% dalam tempoh masa dua tahun.

Begitu juga Tuan Yang di-Pertua, kalau kita lihat daripada segi keuntungan badan-badan koperasi ianya meningkat, umpamanya dari segi pendapatan

kasar, tahun 1994 - RM1.1 bilion; tahun 1995 - RM1.3 bilion, bererti peningkatan yang melebihi 20% dalam satu tahun. Dan dari segi keuntungan pula, keuntungan bersih meningkat daripada RM462 juta pada tahun 1994 kepada RM504, iaitu satu peningkatan yang hampir 10% setiap tahun. Pada anggapan kementerian Tuan Yang di-Pertua, apa yang dilakukan oleh kementerian mendatangkan hasil yang baik untuk kita mencerahkan harapan koperasi menjadi badan-badan korporat.

Tuan Md. Isa bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Dato' Setiausaha Parlimen, setakat manakah usaha yang dibuat Yang Berhormat Dato' terhadap koperasi-koperasi yang memenangi anugerah yang disebutkan tadi? Setakat manakah kita dapati bahawa koperasi-koperasi berkenaan terus mempertingkatkan pengurusan dan kewangan secara berterusan? Kalau kita bergantung kepada anugerah ini sahaja, kita dapati misalnya, ada organisasi-organisasi business yang mendapat anugerah 'Malcom Bridge Award', kita dapati ada yang sudah bankrap, kerana dia bangga dengan award yang diperolehi. Jadi, setakat ini sejauh manakah keyakinan kementerian bahawa koperasi-koperasi berkenaan akan terus meningkat dari segala segi?

Dato' Haji Fauzi bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya keyakinan kementerian adalah semata-mata bergantung kepada kemampuan koperasi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya dari segi sudut kementerian, kita merasakan koperasi itu boleh mencapai kecemerlangan apabila ianya memiliki 2 inti pati atau dua ciri ini.

Yang pertama, kepimpinan koperasi itu sendiri mempunyai pemimpin-pemimpin yang berilmu ataupun mempunyai kekuatan ilmu, kemahiran, pengalaman untuk melaksanakan program-program perniagaannya dengan baik dan teratur.

Yang kedua, ciri kemajuan koperasi ialah amanah. Biasanya kalau ada ilmu itu dicampurkan dengan pengalaman yang baik dan kepimpinan yang beramanah, biasanya koperasi itu berjaya. Inilah yang ditekankan oleh pihak kementerian supaya semua koperasi memiliki kepimpinan yang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin sahaja tidak mencukupi untuk melaksanakan program-program koperasi dengan baik. Anggota koperasi dididik, diasuh supaya bertanggungjawab, kalau mereka

mahu pemimpin yang bertanggungjawab, mereka sendiri mesti bertanggungjawab, kalau mereka mahu pemimpin yang beramanah dan berilmu, mereka sendiri juga perlu memiliki ciri-ciri berilmu dan amanah. Jadi, dari segi itu, kalau dapat kita terapkan secara asas kepada seluruh koperasi, saya percaya dapat dikekalkan kemajuan yang telah berjaya.

RUMAH KOS RENDAH - LANGKAH MENGELAKKAN PENYELEWENGAN

9. Tuan Fu Ah Kiow [Mentakab] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan ketelusan dan tidak berlaku penyelewengan dalam pengagihan rumah kos rendah oleh kerajaan tempatan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, pengagihan rumah kos rendah adalah diuruskan oleh kerajaan-kerajaan negeri dan bukan kerajaan tempatan atau pihak berkuasa tempatan. Bagi memastikan ketelusan dan tidak berlaku penyelewengan dalam pengagihan rumah kos rendah, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memperkenalkan sistem pendaftaran terbuka berkomputer dan meminta kerajaan-kerajaan negeri supaya mendaftarkan pemohon-pemohon yang memohon membeli rumah kos rendah dalam sistem pendaftaran tersebut.

Sistem ini mengambil kira jumlah pendapatan, tanggungan dan keadaan perumahan sekarang sebagai sebahagian daripada kriteria-kriteria yang diberi markah dan pertimbangan untuk membeli rumah kos rendah. Kerajaan-kerajaan negeri juga diminta menggunakan data base pemilikan rumah dan tanah sebagai satu lagi tapisan dalam memilih pemohon yang layak.

Tuan Fu Ah Kiow: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan, berapa negeri telah melaksanakan sistem tersebut dan juga pada satu ketika pernah dicadangkan bahawa mereka yang telah lulus permohonannya, namanya akan dipamer dalam papan kenyataan? Adakah sistem ini diamalkan sekarang? Terima kasih.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang, maklumat-maklumat yang diperolehi oleh kementerian, tujuh negeri telah melaksanakan sistem ini dan lima lagi belum dilaksanakan. Dua kementerian lagi, maklumat lanjut diperlukan oleh kementerian kerana negeri-negeri tersebut tidak memberikan maklumat yang cukup

untuk kita memastikan sama ada sistem ini buat masa sekarang digunakan atau satu sistem yang mereka sendiri reka untuk kegunaan mereka sendiri.

Tuan Hoo Seong Chang: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Mengenai sistem pendaftaran berkomputer, saya ingin hendak tanya kementerian sama ada pemohon yang layak ini apabila kali pertama ia ditemuduga, oleh kerana rumah itu memang tidak mencukupi maka ia kena tunggu dalam waiting list. Jadi, pada kali yang kedua, ketiga sama ada dia diberikan keutamaan.

Yang kedua, sistem on-line, sistem komputer di negeri ini ada on-line tak? Ini mungkin dapat mengelakkan pemohon-pemohon ambil kesempatan mungkin dapat di negeri Johor, lagipun dapat di Negeri Sembilan dan sebagainya. Sekian, terima kasih.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Terima kasih, soalan tentang sama ada semua negeri yang sedang melaksanakan program ini - Sistem Pendaftaran Terbuka. Sama ada komputer-komputer mereka ada on-line atau tidak, jawapannya tidak. Mereka masih guna sistem-sistem tersendiri. Walau bagaimanapun sistem yang saya beri maklumat tadi iaitu berkaitan dengan cara-cara untuk menilai dan menapis pemohon-pemohon adalah sama.

Kita harap dijangka masa akan datang kita boleh melaksanakan sistem-sistem ini supaya mereka semua yang ada sistem komputer ini adalah ber'on-line'. Tetapi buat masa sekarang masih belum dapat digunakan untuk cara on-line lagi.

Tentang sama ada mereka dalam waiting list itu, senarai menunggu itu masih boleh ditimbang semula. Memang mereka ini diberi pertimbangan dan diberi secara keutamaan dalam pemilihan-pemilihan buat kali kedua, ketiga dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Wan Mohd. Jamil Wan Mahmood.

[Soalan No. 10. - Y.B. Tuan Haji Wan Mohd. Jamil Wan Mahmood (Tumpat) tidak hadir]

BALAI BOMBA DI NILAI - CADANGAN

11. Dato' Hon Chon Kim [Seremban] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada kerajaan bercadang untuk mendirikan sebuah balai bomba di kawasan Nilai memandangkan kawasan ini adalah merupakan satu pusat yang mempunyai kadar pembangunan yang pesat?

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Tuan Peter Chin Fah Kui]: Minta maaf. Saya fikir soalan ini soalan 11.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sebelas.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Minta maaf. Tuan Yang di-Pertua, projek pembinaan balai bomba di Nilai, Negeri Sembilan telah diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Ketujuh dengan peruntukan sejumlah RM3 juta. Projek ini diberikan keutamaan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh ini.

Dato' Hon Choon Kim: Soalan tambahan. Diucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan peruntukan untuk membina sebuah balai bomba di kawasan Nilai. Saya ingin tahu buat sementara waktu sebelum balai bomba didirikan sama ada kementerian bercadang supaya mewajibkan setiap kilang itu yang sedia ada, supaya mereka mempunyai pasukan-pasukan sukarela untuk mencegah kebakaran? Sekian, terima kasih.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Cadangan ini sama ada kita wajibkan, memang kita tidak wajibkan setiap kilang untuk mengadakan pasukan bomba sukarela secara in-house, dengan izin. Tetapi kita memang menggalak kilang-kilang yang besar seperti kilang-kilang yang ada terlibat dengan usaha yang dirasakan membahayakan atau high risk manufacturing process, dengan izin. Kita memang bekerjasama dengan pihak majikan untuk mengadakan badan-badan bomba sukarela yang secara in-house dan kita memberi pertolongan seperti latihan dan sebagainya supaya kita boleh bertindak secara bersama dengan pasukan-pasukan yang terdiri di dalam kilang-kilang tersebut.

Di sini, ingin saya jelaskan kepada Yang Berhormat, walaupun tidak ada tertubuh balai bomba di kawasan Nilai sendiri tetapi kawasan Nilai ini adalah dekat dengan kawasan yang lain seperti Kajang dan sebagainya di mana memang ada balai bomba yang berdekatan. Balai-balai tersebut boleh membuat response kepada sesuatu kebakaran yang berlaku di kawasan Nilai.

Dr. Tan Yee Kew: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan bertambahnya bangunan-bangunan pencakar langit di bandar-bandar besar, saya ingin tahu, adakah pasukan bomba kita mempunyai peralatan yang sesuai dan canggih untuk menangani sekiranya berlaku kebakaran di bangunan-bangunan tersebut?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan itu sudah keluar, pertanyaan mula ialah balai bomba di kawasan Nilai.

KAD PENGENALAN BARU - SAMBUTAN ARAHAN PENUKARAN

12. Dr. G. Leelavathi [Kapar] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan tentang proses pembaharuan kad pengenalan berjalan dengan lancar. Sehingga kini, bagaimana sambutan dan response dari masyarakat terutamanya golongan tua.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Tuan Ong Ka Ting]: Tuan Yang di-Pertua, sehingga 27hb. November 1996 iaitu semalam, Ibu Pejabat Pendaftaran Negara telah menerima 14,341,289 permohonan menukar kad pengenalan dan 12,452,210 daripada permohonan tersebut telah dikeluarkan dengan KPT.

Sambutan daripada masyarakat pada keseluruhannya adalah baik termasuklah golongan tua. Jabatan Pendaftaran Negara menjangkakan menjelang akhir tahun 1996 iaitu bulan depan, semua pemegang kad pengenalan lama akan menukar kad pengenalan mereka kecuali mereka yang masih berada di luar negara.

Tuan Kamarudin bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kita mengucapkan tahniah kepada pihak kementerian yang telah mengeluarkan kad pengenalan baru bercirikan keselamatan. Namun begitu, masih ada lagi yang menipu dan adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan kad pengenalan baru yang akan datang, yang bercirikan serbaguna sesuai dengan era digital? Terima kasih.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini, Kad Pengenalan Bermutu Tinggi iaitu bermutu dari segi ciri-ciri keselamatan masih boleh dikatakan tidak begitu senang untuk ditiru atau dipalsukan. Yang dipalsukan itu memang kad pengenalan berbentuk plastik yang lama. Dari segi pendaftaran negara, kita tidak bercadang untuk mengadakan kad yang lebih baru daripada itu. Akan tetapi, agensi-agensi kerajaan yang lain mungkin sudah ada perancangan untuk mengadakan kad dalam bentuk yang lain. Itu di luar dari bidang saya.

Dr. G. Leelavathi: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu adakah pegawai-pegawai dari Jabatan Pendaftaran melawat rumah-rumah orang tua, orang buta dan cacat untuk menolong mereka mendapatkan kad pengenalan baru?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, pegawai dari Jabatan Pendaftaran Negara di seluruh negara memang telah membuat banyak lawatan ke tempat-tempat yang diperlukan. Ini terpulang

kepada pihak-pihak yang menguruskan seperti rumah-rumah orang tua ataupun pemimpin-pemimpin masyarakat. Kalau sekiranya masih ada mana-mana satu pusat yang belum dilawati dan perlu, saya cadangkan pihak yang bertanggungjawab itu sila berhubung dengan Jabatan Pendaftaran Negara tempatan dan mereka akan sanggup pergi bila-bila masa.

DEFISIT DAGANGAN NEGARA - KECAPAIAN HASIL

13. Tuan Lim Siang Chai [Petaling Jaya Selatan] minta Menteri Kewangan menyatakan:-

- (a) memandangkan kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan defisit dagangan negara, jumlah defisit dagangan negara pada tahun ini; dan
- (b) sejauh manakah kecapaian hasil dan kesannya kepada ekonomi negara.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan [Dato' Seri Anwar bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya Selatan bersama dengan soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Rompin kerana kedua-duanya berkaitan dengan isu yang sama, iaitu imbalan dagangan dan imbalan pembayaran.

Pada tahun 1996, lebih imbalan dagangan dijangka meningkat daripada RM200 juta pada tahun 1995 kepada RM4.6 bilion, berpunca daripada peningkatan eksport yang lebih pantas daripada peningkatan import. Walau bagaimanapun, defisit akaun perkhidmatan dijangka meningkat sedikit dari RM19 bilion pada tahun 1995 kepada RM19.4 bilion, terutama disebabkan oleh aliran keluar pendapatan pelaburan disebabkan meningkatnya pelaburan asing di dalam negara. Dengan itu, defisit akaun semasa imbalan pembayaran dijangka berkurangan dari defisit sebanyak RM18.7 bilion pada tahun 1995 kepada RM14.8 bilion pada tahun ini.

Sungguhpun negara mencatat defisit dalam akaun semasa imbalan pembayaran, kedudukannya masih dapat bertahan dan mampan. Ini disebabkan sebahagian besar defisit dibiayai oleh aliran masuk modal jangka panjang asing dan import yang dikawal ini lebih banyak dalam bentuk barangan perantaraan dan modal dengan tujuan produktif yang berjumlah 85% daripada jumlah import keseluruhan.

Rizab negara terus meningkat dari RM63.8 bilion pada akhir tahun 1995 kepada RM69.1 bilion pada 15 November 1996. Jadi, kita yakin dengan beberapa langkah yang telah diambil, kita dapat menangani masalah ini dengan sebaik mungkin.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memang beberapa langkah yang diambil itu adalah ke arah yang betul dan saya nampak peratusan GNP untuk defisit ini akan berkurangan sedikit pada tahun hadapan iaitu daripada 6.2% kepada 4.4%. Ini bermakna ada lega dan baik sedikit.

Walau bagaimanapun....[Disampuk] Diam sedikit....kita ada cadangan yang bernas di sini! [Ketawa] [Disampuk] Kerana defisit akaun semasa ini kita memang hendak menyelesaikan. Kita mesti eksport dengan lebih banyak dan invisible earnings itu mesti diselesaikan. Perkhidmatan atau services juga mesti dipertingkatkan untuk menyelesaikan masalah.

Tuan Yang di-Pertua.....

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: "Lu ai me, lu konglah! Haiya!"

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila. Sila teruskan. [Disampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Macam mana!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Hey, buang masa!

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Bolehkah Yang Berhormat.....

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, biarlah dia mengemukakan soalan dahulu.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya pun mengalu-alukan juga. [Ketawa] Dia minat dengan defisit akaun semasa, baik jugalah. Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Amat Berhormat menerangkan bagaimana kita dapat meningkatkan perkhidmatan atau services dan juga invisible earnings dan bagaimana peratusan yang akan bertambah untuk invisible earnings yang penting kerana sekarang kadar kehilangan invisible earnings kita sangat besar?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebahagian daripada mukadimah ucapannya itu dia merumuskan ucapan Belanjawan saya! [Ketawa] Saya ucapkan terima kasih kerana dapat menangkap dan menghafal tajuk-tajuk yang disebutkan.

Beberapa langkah yang diambil telah pun diumumkan dan penekanannya ialah untuk memberikan insentif percukaian dan lain-lain untuk meningkatkan eksport, termasuk untuk barangan pengeluaran tempatan dan memang benar kita memberikan fokus khusus dalam Belanjawan dalam isu perkhidmatan kerana tahap pertumbuhan sektor perkhidmatan masih dianggap rendah dan potensinya terlalu tinggi. Sebab itu beberapa langkah liberalisasi dalam perkhidmatan kewangan, termasuk institusi perbankan dan insurans dan juga beberapa langkah yang lebih spesifik, termasuk operational headquarters yang dipermudahkan di sini dan OTC yang telah diumumkan itu dilancarkan pada tahun hadapan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita dapati bahawa pendatang-pendatang yang berhijrah dan bekerja di Malaysia ini juga telah banyak menyumbangkan defisit kepada negara dengan menghantar wang balik ke negara mereka. Begitu juga dengan expatriates yang ada di dalam negara kita ini.

Jadi, berapa banyakkah defisit ini dan apakah langkah kerajaan untuk memastikan penghantaran wang balik ke negara asal mereka itu dapat kita bendung supaya sekurang-kurangnya mereka dapat membuat pelaburan di sini dan hasil keuntungan itu mungkin akan mengurangkan defisit keuntungan yang mereka laburkan di sini?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, umumnya, kepakaran yang diambil dari tenaga asing dan juga jumlah pekerja asing itu diperlukan untuk mengisi kekosongan di pasaran buruh yang kita hadapi sekarang. Walau bagaimanapun, seperti mana yang telah kita tegaskan, ada batasnya dan kini kita telah mengambil langkah-langkah untuk mendapatkan tenaga tempatan dan meningkatkan latihan secara yang lebih berkesan.

Kita hanya ada satu anggaran kasar tentang jumlah wang dari pekerja asing yang dikirim ke luar negara masing-masing di sekitar RM2.5 bilion. Jumlah ini tentunya besar, tetapi dilihat dari jumlah yang besar di kalangan pekerja asing dan keperluan kita yang mendesak di dalam sektor-sektor tertentu, kita terpaksa menerima kenyataan tersebut.

Saya setuju dengan syor untuk memberikan beberapa galakan supaya pekerja asing dan juga pakar-pakar asing ini menyimpan sebahagian daripada wang di dalam negara dan Jawatankuasa Tabungan Negara telah memberikan cadangan untuk diperkenalkan beberapa insentif khas menggalakkan skim tabungan bagi pekerja asing.

Tuan Fu Ah Kiow: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan pernah memberi pelbagai insentif untuk menggalak pelabur Malaysia yang mendapat keuntungan di luar negeri membawa balik keuntungan mereka balik ke negara ini. Adakah itu berkesan?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Insentif untuk menarik minat pelabur Malaysia di luar negara membawa pulang, itu diberikan beberapa tahun yang lalu apabila kita telah kecualikan daripada cukai untuk, dengan izin, the federation of fund, dari luar negara. Kita dapati beberapa syarikat telah pun membawa balik sebahagian keuntungan dan sebahagiannya digunakan untuk pelaburan, mengembangkan kegiatan syarikat. Tetapi, sementara ini diberi galakan, kita juga tahu bahawa ada keperluan syarikat-syarikat berkenaan membesarkan operasi di luar. Jadi, ia harus dilihat dalam konteks perkembangan keseluruhannya kerana peningkatan pelaburan Malaysia di luar negara ini merupakan satu perkembangan yang baru.

Tuan Jimmy Donald: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan dari Yang Amat Berhormat, apakah langkah khusus untuk mengimbangkan dagangan kita dengan negara Jepun dan negara-negara yang sudah maju dari mana kita mengimport begitu banyak capital goods?

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, dengan Jepun ini memang mempunyai masalah imbalan yang paling besar dan ketara. Kalau dikeluarkan Jepun dari senarai, kita tidak hadapi masalah defisit seperti mana yang kita hadapi sekarang. Di antara sebabnya ialah kerana import barangan machinery dan keperluan industri besar, sebahagian kecilnya bayaran perkhidmatan.

Yang dilakukan sekarang ialah untuk menekankan kepada kerajaan dan syarikat-syarikat Jepun untuk melabur di Malaysia ataupun mencari jalan supaya dapat mengimport sebahagian daripada barangan kita kerana ini pun agak terbatas kerana ini masalah yang buntu dalam perundingan Jepun dan Amerika Syarikat. Kalau dengan Amerika Syarikat pun mereka buntu dalam masalah ini, kita menghadapi masalah dengan negara Jepun. Sebab itulah kerajaan telah menggalakkan sekarang ini untuk kita mengambil sikap yang lebih terbuka, bila ada peluang-peluang kontrak dan import machinery, kita cuba buka, tidak khususnya dengan negara-negara di mana kita hadapi defisit yang besar, kita buka supaya ada kecenderungan syarikat-syarikat negara asing yang berkenaan turut mengimport dari Malaysia ataupun melabur di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew.

[Soalan No. 14 - Yang Berhormat Tuan Robert Lau Hoi Chew [Sibu] tidak hadir]

TOKOH AGAMA DIGAM MENYERTAI RANCANGAN TV - SEBAB

15. Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa] minta Perdana Menteri menyatakan sebab mengapa Bahagian Hal Ehwal Islam JPM mengegam beberapa tokoh agama tanah air dari menyertai rancangan TV.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri tidak pernah mengegam mana-mana tokoh agama tanah air daripada menyertai program TV sebaliknya BAHEIS berusaha mengetengahkan lebih ramai tokoh-tokoh agama tanah air menyertai rancangan agama di TV.

Tuan Haji Nik Mohd. Amar bin Haji Nik Abdullah: Pada sesi Parlimen yang lepas Kementerian Penerangan juga menafikan yang mereka mengegam beberapa tokoh agama dan hari ini pihak Jabatan Perdana Menteri juga menafikan perkara tersebut, sedangkan beberapa orang tokoh agama ini menyatakan secara terbuka dalam ceramah-ceramah mereka bahawa mereka digam oleh pihak yang berkenaan. Jadi, bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen menyatakan agak-agak siapakah yang mengegam tokoh-tokoh agama ini?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, main agak-agak ini memang payah. Yang sebenarnya memang kita mempunyai ramai pakar agama di negara kita ini. Kalau kita menumpukan kepada satu ataupun dua orang sahaja memanglah tidak ada peluang kepada pakar-pakar agama yang lain untuk terlibat sama dalam memberikan penerangan agama kepada kita. Sebab itu, dalam usaha ini kita memberikan semua peluang kepada mereka dan tidak ada kita mengatakan mengegam secara rasmi sebab benda ini benda baik. Kalau kita bertindak mengegam perkara yang baik ini memanglah ini satu perkara yang kurang baik.

Jadi, setakat ini walaupun pada mulanya dahulu mereka kerap kali mengambil bahagian tetapi sebenarnya mereka yang pernah diberi peluang dalam TV sekarang ini mereka memberikan ceramah agama di seluruh negara dan terbuka di padang-padang awam dan juga di mana-mana majlis yang diadakan. Dan di antara mereka ini, nama mereka

masyhur ialah disebabkan masa mereka mengadakan siaran di TV, jadi sepatutnya janganlah terasa apa-apa, sepatutnya mereka berterima kasih kepada kerajaan kerana memberikan mereka lebih popular.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah adakah benar setengah-setengah tokoh agama yang tersebut ini mengenakan bayaran yang tinggi yang mungkin kerana itu mereka tidak diberikan keutamaan untuk muncul di program-program TV?

Dato' Haji Muhamad bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai bayaran kepada pakar-pakar agama yang bercakap di TV, bayarannya memang ditetapkan oleh pihak Perbendaharaan. Kita tidak boleh memberi bayaran lebih daripada itu tetapi sekiranya mana-mana agensi menaja ataupun mana-mana NGOs yang menaja yang memang sengaja hendak memberikan sagu hati yang lebih, itu adalah biasa. Jadi, mereka yang melibatkan diri dalam hal ini juga memang tahu perkara ini. Sebab itu mengenai bayaran bukanlah satu masalah dan kerana di antara mereka itu memang sentiasa mendapat bayaran yang lebih daripada tempat-tempat yang lain. Jadi, kalau dianjurkan sedemikian rupa mengenai bayaran memang ditetapkan walaupun siapa yang mengambil bahagian dalam TV.

KELEWATAN PENGELUARAN CF-TINDAKAN KEPADA YANG ENGGAR

16. Puan Chua Soon Bui [Tawau] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bilangan kes aduan mengenai kelewatan dalam pengeluaran CF sejak semua majlis tempatan diarahkan untuk berbuat demikian dalam tempoh dua minggu. Mengapa arahan tersebut tidak diakur oleh majlis-majlis tempatan. Apakah tindakan yang diambil terhadap pegawai yang terbabit.

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, semenjak arahan dikeluarkan supaya semua pihak berkuasa tempatan mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki (CFO) dalam tempoh 14 hari, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menerima 27 aduan berkaitan dengan kelewatan pengeluaran CFO.

Walau bagaimanapun, apabila dikaji, didapati kes-kes kelewatan ini adalah berpunca daripada kegagalan pemaju untuk mematuhi kehendak-kehendak yang ditetapkan di dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam Tahun 1984 dan syarat-syarat yang ditetapkan di dalam pelan yang diluluskan.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan kerajaan tidak boleh memberi OC atau CF dengan sepenuhnya kepada pemaju-pemaju kerana tidak menunaikan separuh syarat-syarat yang ditentukan, saya minta Yang Berhormat menjawab sama ada kerajaan boleh memberi OC atau CF sementara dengan syarat mencengkeramkan atau menandatangani satu jumlah wang dengan kerajaan tempatan dan boleh dilepaskan selepas syarat itu ditunaikan demi untuk kepentingan penduduk-penduduk atau pembeli-pembeli rumah?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, CF sementara ini ada juga setengah-setengah pihak majlis tempatan melaksanakan cara sebegini kerana ada perkara-perkara yang agak rumit untuk diselesaikan supaya CFO itu boleh dikeluarkan. Maka ada juga cara untuk memberi CFO sementara tetapi ini bukan satu tindakan yang memang digunakan oleh semua pihak berkuasa tempatan tetapi ada juga mereka yang rasa CFO itu patut dikeluarkan kerana pembeli-pembeli sudah memasuki ke rumah-rumah tersebut.

Tuan Chia Kwang Chye: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan pemohon-pemohon Sijil Kelayakan Penguasaan (CFO), yang membuat andaian bahawa CF boleh didapati dua minggu selepas permohonan diserahkan. Jadi, apakah kehendak-kehendak atau syarat-syarat yang minimum yang perlu dipenuhi oleh pemohon sebelum garis panduan 2 minggu ini dapat dilaksanakan?

Tuan Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, syarat-syarat yang ditetapkan itu memang ditetapkan dalam Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam, dan juga syarat-syarat itu apabila pelan itu sudah diluluskan, mula-mula lagi apabila bangunan itu belum lagi dibangunkan atau dibina, syarat-syarat itu memang perlulah diikuti. Sebahagian besarnya patutlah dipatuhi dahulu apabila CFO itu dikeluarkan. Tetapi kalau misalnya masalah seperti landskap yang belum siap, bukan berkaitan dengan bangunan, tetapi landskap belum siap, perkara seperti itulah pihak berkuasa boleh menimbang untuk mengeluarkan CFO sementara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Billy Abit Joo.

Tuan Billy Abit Joo: Tuan Yang di-Pertua, soalan ke-17. Sebelum itu saya ingin membuat sedikit penjelasan. 'Catchment area' yang dimaksudkan di sini ialah Bakun Catchment Area.

**'HEP CATCHMENT AREA' - AKTIVITI
KOMERSIAL**

17. Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang] minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan adakah kerajaan merancang atau mengetahui tentang apa-apa rancangan untuk menjalankan aktiviti komersial di 'HEP Catchment Area' nanti. Jika ya;

- (a) apakah projek-projek ini; dan
- (b) adakah penduduk setempat akan memainkan peranan secukupnya dalam projek-projek ini.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos [Dato' Chan Kong Choy]: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang disediakan adalah sebelum pembetulan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan bagi aktiviti-aktiviti komersial di kawasan tadahan Projek Bakun belum disediakan lagi. Walau bagaimanapun, terdapat banyak potensi bagi aktiviti komersial sampingan dilaksanakan apabila siapnya Projek Bakun. Di antara aktiviti komersial yang penting adalah ecotourism dan akuakultur. Walau bagaimanapun, pembangunan projek-projek seperti ini adalah terletak di luar bidang kuasa kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Tuan Yang di-Pertua: Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut selesai.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 3, 10, 14 dan 18 hingga 35 dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

**RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN
1997**

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1997

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1997 dan Anggaran Pembangunan 1997 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Kelapan]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Maksud B.28, B.29, B.30, B.31, B.32 dan B.33 [Jadual] -

Maksud P.28, P.31 dan P.53 [Anggaran Pembangunan, 1997] -

Tuan Pengerusi: Kepala Bekalan B.28 hingga B.33 dan Kepala Pembangunan P.28, P.31 dan P.53 di bawah Kementerian Kewangan terbuka untuk dibahas. Kota Melaka.

3.35 ptg.

Tuan Lim Guan Eng [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Tidak ada Timbalan Menteri. Tuan Pengerusi, sungguhpun tidak ada Timbalan Menteri Kewangan....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, sila ucapkan, itu hal mereka.

Tuan Lim Guan Eng: Mungkin dia keluar sekejap. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 020000 - Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber. Saya ingin merujuk kepada masalah kemiskinan, iaitu saya hendak bertanya apakah kadar kemiskinan sekarang berdasarkan tahap yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Mengikut angka-angka yang diberikan dalam Rancangan Malaysia Ketujuh, iaitu Laporan Rancangan Malaysia Ketujuh, tahap kemiskinan yang ditetapkan di Semenanjung Malaysia.....*[Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar masuk ke dalam Dewan]* Yang Berhormat Timbalan Menteri telah masuk. Bahawa tahap kemiskinan adalah dalam peringkat RM425.00 untuk saiz penduduk 4.6 isi keluarga.

Di sini saya tidak tahu sama ada ini adalah digunakan secara konsisten ke atas semua isi rumah di seluruh Malaysia, memandangkan bahawa terdapat perbezaan pendapat di antara tempat ataupun di antara bandar. Oleh kerana itu, saya ingin tahu apakah tahap terakhir yang diputuskan oleh pihak kerajaan, sungguhpun ditetapkan pada tahap RM500.00 untuk sesuatu isi keluarga, tetapi mengikut angka-angka yang diberikan mengikut Laporan Rancangan Malaysia Ketujuh adalah berlainan daripada apa yang ditetapkan oleh kerajaan.

Memandangkan bahawa timbul kekeliruan di sini, saya harap pihak kementerian boleh menjelaskan tentang perkara ini. Kalau kita tetapkan untuk kawasan bandar, tahapnya adalah sekadar RM500 sesebuah keluarga, saya rasa jumlah ini adalah terlalu rendah, kerana untuk Bandaraya Kuala Lumpur, setakat RM500 sebulan, saya rasa memang tidak cukup untuk menanggung kos kehidupan sebulan untuk keluarga tersebut. Malah dengan RM500.00 sebulan saya rasa keluarga itu terpaksa 'kais pagi makan pagi, kais petang makan petang'. Oleh sebab itu, saya harap pihak kerajaan boleh menimbang untuk meningkatkan pengakuan tentang kadar kemiskinan atau tahap kemiskinan supaya ia lebih adil dan saksama kepada penduduk-penduduk miskin di kawasan bandaraya dan kawasan bandar.

Mungkin untuk satu-dua tempat di kawasan luar bandar di Semenanjung Malaysia mungkin boleh terpakai. Tetapi untuk tempat-tempat lain, saya rasa termasuk juga di Sabah dan Sarawak mungkin tidak berapa kena dan tepat pada masanya. Tetapi kalau kita hendak satu unjuran atau satu analisa yang konsisten, saya rasa kita mesti ada satu tahap yang boleh diperbandingkan, comparable eximous, dengan izin, Tuan Pengerusi.

Saya menimbulkan perkara ini oleh kerana memang menjadi satu masalah besar tentang jurang pendapatan di antara golongan kaya dan miskin. Seperti yang saya pernah sebutkan bahawa laporan Human Development Report oleh United Nations sendiri menyatakan bahawa jurang perbezaan di antara yang kaya dan yang miskin telah menjadi lebih besar. Kalau perkara ini tidak diberikan perhatian yang serius oleh pihak kerajaan, ini bermakna bahawa pihak golongan miskin akan tercicir daripada aliran utama pembangunan ekonomi.

Saya tidak menafikan bahawa kerajaan telah mencapai kemajuan dengan absolute figures, dengan izin, absolute figures in reducing the rate incident of poverty, ada kemajuan. Tetapi kalau kita buat

satu perbanding in terms of relatives poverty, saya rasa ia belum mencapai satu tahap yang memuaskan. Ini ditunjukkan sendiri oleh laporan United Nations Human Development Report. Memang jelas menunjukkan yang kaya memang jauh lebih kaya daripada yang miskin. Kalau perkara ini tidak diberikan perhatian, macam mana kita boleh bangga dengan menjadi sebuah negara yang maju? Apa gunanya kita pergi sponsor Formula One di seluruh negara apabila perkara ini tidak dapat perhatian? Saya pun tidak faham mengapa kita pergi sponsor Formula One Racing. Apakah kos, apakah faedah kepada kita, sehingga hari ini masih tidak boleh dihitungkan. Pada kaca mata saya tidak ada manfaat langsung, selain daripada memberikan nama satu tahun. Satu tahun boleh buat apa? Saya pun tidak tahu.

Tuan Pengerusi, kedua, saya harap pihak kementerian boleh memberikan penjelasan tentang penswastan MARA Holding Sdn. Bhd. (MHSB) yang diberikan kepada Nadzmi. Adakah satu tender terbuka dijalankan? Dan kalau tidak, mengapa? Adakah juga Senator Ibrahim Ali pun akan mendapat bahagian dalam ekuiti dalam penswastan MHSB ini? Ini adalah satu perkara penting kerana ia merupakan sebuah agensi kerajaan yang memainkan peranan yang sangat penting kepada negara dan juga rakyat kita.

Juga tentang bank-bank, khususnya dua buah bank yang akan dijual baru-baru ini. Satu ialah Kwong Yik Bank kepada Rashid Hussain Bhd. Adakah kelulusan telah diberikan oleh Suruhanjaya Sekuriti mengikut terma-terma seperti mana yang mereka umumkan.

Kedua, tentang peranan yang dimainkan oleh Yang Berhormat dari Merbok sebagai penasihat ekonomi negara dalam menguruskan penjualan Hock Hwa Bank pada dua orang Pengarah UCM. Apakah kemajuan dan adakah beliau sendiri akan mendapat bahagian daripada penjualan saham-saham dalam Hock Hwa Bank tersebut? Saya berharap perkara ini akan diuruskan dengan tulus dan penuh akauntabiliti. Kita tidak mahu apa yang berlaku dalam penjualan HICOM di mana tender terbuka tidak dijalankan, di mana penjualan ini bukan ditanggung oleh Tan Sri Yahya Ahmad, ditanggung tanpa pembayaran wang yang terlalu banyak oleh dia kerana restructuring yang dirancang oleh Tan Sri Yahya Ahmad di mana kos pembayaran bukanlah menerusi pinjaman dari bank-bank, tetapi menerusi pembelian HICOM ke atas aset-aset syarikat yang dimiliki oleh Tan Sri Yahya Ahmad.

Bermakna bahawa Tan Sri Yahya Ahmad tidak perlu mengeluarkan wang yang banyak. Saya ingin mendapat penjelasan dan juga jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada penjualan dan pembayaran yang dirancangkan seperti ini, di mana saya beli syarikat, saya berjanji membayar RM1.7 bilion, tetapi ia akan dibiayai macam mana? Dibiayai menerusi HICOM membeli syarikat saya dengan harga tertentu dan saya akan gunakan wang ini untuk membeli balik saham HICOM. Apa ini? Ini macam main-main, kerana sebenarnya ia tidak perlu mengeluarkan wang yang banyak. Separuh dari wang tersebut telah dibayar oleh HICOM sendiri yang kena dibeli.

Oleh sebab itu saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh memberikan jawapan sama ada cara seperti ini akan dipakai dalam penswastaan MARA Holding Sdn. Bhd. (MHSB). Juga tentang agensi-agensi atau syarikat-syarikat lain kepunyaan kerajaan, kalau tidak saya rasa, ini sekali lagi akan merupakan satu penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa di mana hanya pihak tertentu sahaja yang mendapat manfaat. Cara-cara pengurusan ini hanya pihak-pihak tertentu mendapat faedah atau mendapat tawaran untuk membeli syarikat tersebut. Ini telah menimbulkan tuduhan bahawa kerajaan Malaysia memang mengamalkan, dengan izin, political cronomism. Kalau ia tidak dijalankan dengan telus, saya rasa kita tidak boleh salahkan sesiapa, bahawa sebarang tawaran atau sebarang penjualan syarikat agensi kerajaan atau sebarang urusan, sama ada baik oleh Kementerian Kewangan ataupun keputusan yang dibuat oleh Suruhanjaya Sekuriti sendiri tidak akan mendapat keyakinan yang penuh oleh pihak pelabur dan HICOM merupakan salah satu contoh yang paling jelas sekali.

Semalam, YTL telah menderma RM2 juta kepada BAKTI. Ini memang satu perkara yang baik. Derma untuk tujuan amal, untuk tujuan yang boleh membantu golongan daif dalam masyarakat kita, tetapi macam mana YTL boleh mampu menderma RM2 juta? Ini yang perlu dikaji oleh EPU, kerana mereka boleh mendapat terma-terma yang begitu baik sehingga menjual satu unit electricity kepada tenaga 15.5 sen, setiap tahun untung RM800 juta - RM2 juta untuk derma, kira apa? Kalau untuk derma BAKTI atau badan-badan amal, saya rasa ini bukan merupakan masalah besar, kerana mereka sudah untung dengan begitu besar bila menjual kuasa atau tenaga mereka kepada Tenaga Nasional dan terjamin memiliki 75% kapasiti penjana kuasa oleh YTL dengan harga yang begitu tinggi - tentu menderma

dengan RM2 juta di sini, RM2 juta di sana, bukan merupakan masalah. Saya rasa sebenarnya kita tidak patut menghargai derma yang dibuat oleh YTL.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, gulung.

Tuan Lim Guan Eng: Saya akan gulung.....kerana dia telah untung banyak dan saya harap pihak kerajaan boleh mengkaji semula syarat-syarat yang dibuat ini demi kepentingan negara dan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Tambun.

3.46 ptg.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh di bawah tajuk Perkhidmatan, Pengurusan Penyelidikan dan Pembangunan Sistem Kewangan serta Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber. Saya ingin menyentuh tentang institusi kewangan. Yang saya maksudkan institusi kewangan ialah bank perdagangan, bank saudagar serta syarikat kewangan berkenaan dengan pemberian pinjaman.

Seperti mana yang kita sedia maklum bahawa semenjak kita merdeka sampai sekarang, institusi kewangan memberi pinjaman berdasarkan kepada conventional lending. Dalam erti kata yang lain bahawa pinjaman diberi berasaskan kepada cagaran ataupun secured loan. Bagi pinjaman berjangka, peminjam akan dikenakan first charge on fix asset dalam bentuk tanah ataupun harta tetap dan biasanya ini adalah 1.5 kali lebih tinggi daripada nilai pinjaman yang diambil. Bagi pinjaman pusingan modal (working capital) dikenakan debenture on floating asset dalam bentuk stock dan asset semasa.

Saya ingin menyentuh perkara ini kerana suasana ini berbeza dengan negara-negara maju. Seperti mana kita sedia maklum bahawa di negara-negara maju banyak pinjaman yang dikeluarkan dan diberi secara tanpa cagaran (unsecured loan) yang diberikan berasaskan kepada projek feasibility dan financial cash flow. Di Amerika Syarikat dan Germany, umpamanya, kalau kita memiliki idea dan mempunyai cash flow yang cukup, pihak bank sanggup untuk memberi pinjaman, dengan itu bank mengadakan debenture capital, malahan untuk kerja-kerja R&D, mudah untuk mendapat pinjaman.

Tuan Pengerusi, kita sedia maklum bahawa negara kita menghadapi perubahan struktur ekonomi dengan diperkenalkan PIP serta koridor raya multimedia. Pengusaha tempatan adalah diharapkan untuk mengeluarkan barangan eksport.

Faktor utama ke arah untuk menjayakan rancangan ini adalah meningkatkan R&D serta penggunaan teknologi tinggi. IKS akan berperanan penting ke arah untuk mengeluarkan barang komponen, dengan itu pihak bank memainkan peranan besar ke arah untuk menjayakan hasrat tersebut. Maka di sini saya ingin menyatakan bahawa sudah tiba masanya bank-bank kita tidak semata-mata melihat pinjaman daripada sudut cagaran semata-mata. Kalau kita lihat di dalam balance sheet bank-bank di negara kita, tidak banyak pinjaman untuk tujuan R&D. Begitu juga dalam bentuk debenture capital bagi syarikat-syarikat di dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, selain daripada itu, oleh kerana mentaliti pinjaman bercagar ini telah berada di dalam pemikiran pegawai-pegawai bank di negara kita, kita dapati bahawa tahap profesionalisme dan expertise pegawai-pegawai bank tempatan tidak begitu tinggi. Tahap kepakaran dari segi financial advisory corporate services, project consultancy serta expertise dalam specialize financing seperti shipping. Kita tahu bahawa dalam bidang shipping hanya bank industri dan beberapa bank sahaja yang memberikan pinjaman, itu pun jumlahnya begitu kecil, begitu juga dalam bidang gas dan petroleum, kita tidak mempunyai specialize personnel dalam bidang-bidang tersebut.

Sekiranya sektor ini tidak dibangunkan, sumbangannya kepada pembangunan negara tidak akan dapat kita nikmati dan ia lebih lagi membimbangkan apabila General Agreement on Trades Tariff and Services (GATT) dilaksanakan dalam tempoh sepuluh tahun akan datang, kita akan bersaing dengan bank-bank dari luar negara dan sekiranya expertise kita dalam bidang ini tidak kita perembangkan, kita akan kalah nanti dengan bank-bank dari negara luar.

Berasaskan kepada mentaliti pinjaman bercagar ini, kita dapati beberapa keadaan yang merbahaya berlaku dalam negara kita. Pertama, pinjaman tidak berasaskan kepada projek feasibility dan financial cash flow. Pegawai-pegawai berpuas hati dengan cagaran dan mereka tidak mengkaji projek feasibility satu projek, dengan sebab itu, kita dapati bahawa terdapat projek-projek yang tidak berjaya di dalam negara kita ini.

Keduanya, pengurusan kredit tidak berjalan dengan memuaskan. Saya mengambil contoh, seperti Perwaja umpamanya, kalau kita lihat dalam PNL serta balance sheet, kita dapati bahawa kerugian yang dihadapinya bukan kerugian yang secara tiba-tiba berlaku. Ia berlaku dalam satu tempoh yang panjang. Tetapi, oleh kerana pihak

bank tidak begitu mengawasi dan tidak memberi syor serta pandangan dan cadangan, maka kerugian ini berterusan.

Kalau ikut daripada loan packaging, biasanya pihak bank akan meminta kepada peminjam untuk menghantar penyata kewangan sama ada secara suku tahun, setengah tahun ataupun setahun dan pihak bank sepatutnya membuat analisa kepada penyata kewangan serta memberi syor kepada peminjam, agar peminjam tidak menghadapi masalah kewangan yang besar pada masa akan datang.

Lagi satu bahaya dari segi tumpuan pinjaman. Saya dapati bahawa pinman kita sebahagian besarnya adalah dalam bidang binaan, perumahan dan hartanah, antara 40% hingga 50% dalam bidang ini. Kita sedia maklum bahawa bidang binaan serta hartanah negara kita ini bukan berdasarkan kepada market driven, ia adalah government driven, projek-projek yang dibangunkan oleh kerajaan dari segi infrastruktur lebih kurang RM101 bilion, KLIA, Kompleks Sukan Komanwel, Putrajaya, LRT dan sebagainya.

Kita dapati bahawa kejatuhan ekonomi Jepun pada akhir-akhir tahun 1980-an dan sekarang masih dirasai adalah berpunca dari kejatuhan sektor construction ini serta sektor hartanah serta sektor sekuriti dan pada tahun ini sahaja, tujuh buah syarikat kewangan di Jepun mengalami bankrap, yang terbesar sekali Nike Finance berjumlah US\$88 bilion.

Ada analisa mengatakan pada awal tahun 2000 kita akan menghadapi lebihan ruang pejabat dan niaga, sekiranya pinjaman ini berterusan di dalam sektor binaan, perumahan dan hartanah, maka ada kemungkinan kita juga akan menghadapi masalah yang sama seperti di negeri Jepun. Begitu juga yang pernah berlaku di Hong Kong.

Satu lagi perkara mengenai dengan pinjaman tertumpu ini, saya dapati bahawa pinjaman ini juga ada diberi kepada pembelian saham. Kita dapat lihat dalam akhbar, pembelian saham sampai berbilion ringgit. Saya percaya ini bukan dari ekuiti market, tentu daripada pihak bank juga. Kita sedia maklum bahawa, kejatuhan ekonomi Amerika pada lima, enam tahun yang lalu berpunca dari pinjaman bank digunakan untuk pembelian saham, bukan untuk meningkatkan pengeluaran barangan dan perkhidmatan, dia on paper profit, paper transfer dan sebagainya.

Saya percaya, kalau ini berterusan, bahawa produktiviti negara kita tidak akan meningkat dan ia akan terikat kepada aktiviti pembelian saham tersebut dan ini akan merugikan negara kita.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup!

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, akhir sekali, saya hendak bertanya tentang isu liquidity bank ini. Kerana saya dimaklumkan bahawa, oleh kerana kita memakai sistem accruals, bukan sistem cash basis, maka dari segi dasar kita dapat lihat, bahawa bank kita mempunyai liquidity yang besar. Semasa kejatuhan pasaran kita, lebih kurang lima tahun yang lalu, ada peminjam yang meminjam dari bank yang sampai sekarang tidak dibayar.

Jadi, kalau kita menggunakan sistem cash basis, kemungkinan kita akan tahu kedudukan liquidity kita yang sebenarnya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Balik Pulau.

3.55 ptg.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi [Balik Pulau]: Tuan Pengerusi, sebelum saya pergi kepada perkara yang saya hendak cakap, saya mohon supaya Kementerian Kewangan dapat menjawab soalan yang pernah saya timbulkan dan juga ditimbulkan oleh sahabat saya dari Tambun tentang, apakah dia kedudukan pasaran hartanah? Oleh sebab kita lihat tertumpunya pinjaman dari segi direction of loans, lebih daripada 25% dari jumlah pinjaman ditumpukan kepada sektor hartanah dan kita takut nanti, oleh sebab institusi kewangan bersandarkan banyak pinjaman kepada aset sebegini, jika berlakunyalah pertambahan penawaran yang berlebihan, maka ia akan mewujudkan pecahnya bubble property ini dan ia mempunyai kesan rangkaian yang begitu teruk kepada sektor kewangan dan seterusnya kepada ekonomi negara pada keseluruhannya.

Tuan Pengerusi, saya ingin pergi dengan cepat kepada P.28 di bawah Butiran 03000 - ASEAN Potash Mining Project.

Projek ini di Thailand, RM800 juta dan mengikut angka yang ada Malaysia akan commit lebih kurang RM20 juta dari tahun 1990 hingga ke tahun 2000, tahun 1997 kita memperuntukkan RM1.6 juta untuk tujuan yang tersebut.

Saya ingin bertanya kementerian, apakah kedudukan projek ini dan apakah manfaat yang kita dapat dari projek ASEAN Potash Mining tersebut?

Tuan Pengerusi, satu lagi di bawah kepala yang sama, 04300 - Pembangunan aerospace yang berjumlah projek keseluruhannya RM100 juta. Pada tahun ini kita akan memperuntukkan RM27 juta dan di bawahnya ada syarikat-syarikat CTRM, SME(T), ATSC.

Jadi, saya mohon, oleh sebab amaun yang terlibat adalah besar, saya mohon penjelasan dari kementerian tentang apa bendanya CTRM, SME(T), ATSC dan sebagainya ini dan ingin sedikit penjelasan tentang perkara ini, sebab dalam buku ini dia tidak ada penjelasan yang lebih terperinci.

Saya ingin penjelasan tentang apakah status projek pembangunan aerospace ini dan apakah sebenarnya hala tuju negara melibatkan dalam pembangunan aerospace ini. Apakah negara bercita-cita untuk mewujudkan satu niche dalam pasaran antarabangsa dalam bidang-bidang tertentu dalam aerospace ini, adakah kita mempunyai rancangan dari segi pembangunan sumber manusia yang cukup. Adakah kita mempunyai perancangan dari segi penyelidikan yang cukup untuk membolehkan kita mewujudkan satu competitive advantage di dalam bidang aerospace ini.

Apakah sebenarnya, manfaat yang kita harapkan dapat kita terima dari penglibatan kita dalam pembangunan aerospace ini.

Tuan Pengerusi, saya ingin memberi masa yang lebih sedikit kepada B.28, Butiran 020000 - Perkhidmatan Analisis Ekonomi dan Sumber khususnya di bawah program 020300.

Tuan Pengerusi, selain dari kerisauan kita tentang asset driven inflation, yang mungkin menimbulkan dua masalah yang besar, satunya ia meluaskan jurang di antara mereka yang mempunyai kuasa beli untuk membeli hartanah dan harta tanah dan di antara mereka yang tak mampu, maknanya kita kesan dari asset driven inflation ini membesarkan lagi jurang itu. Satu lagi ialah kesan yang saya sebutkan tadi. Itu perkara yang pertama.

Perkara yang kedua, yang kita ingin penjelasan dari segi di bawah maksud ini ialah, tentang apakah dia struktur organisasi industri yang sebenarnya kita harap untuk wujudkan dalam negara ini untuk menyediakan negara ini untuk boleh menjadi kompetitif apabila kita memasuki era AFTA dan apabila kita melaksanakan dengan lebih jelas penglibatan kita dalam APEC nanti. Apakah fikiran kita tentang bagaimana kita hendak menstruktur organisasi dalam industri kita untuk menyediakan negara ini untuk bersaing dengan negara-negara di peringkat antarabangsa

Tuan Pengerusi, kita dapati sekarang ini di Malaysia, begitu banyak sama ada melalui Dasar Penswastaan ataupun 'merges and takes overs' yang sedang berlaku dalam negara kita hari ini

begitu banyak wujudnya entiti-entiti perniagaan yang 'vertically integrated', yang mempunyai kuasa pasaran ataupun diberi kuasa pasaran dalam satu-satu industri daripada hulu hingga ke hilirnya. Itu satu.

Kita tahu bahawa entiti yang sedemikian, yang dirangkaikan dalam satu 'control' daripada hulu ke hilir adalah satu jenis struktur organisasi industri yang sebenarnya tidak cekap. Itu sememangnya satu hakikat yang terbukti. Tidak siapa dapat mengatakan bahawa kewujudan entiti yang 'vertically integrated' dalam mana-mana industri adalah satu industri yang cekap, efisien dari takrif ekonominya. Kewujudan entiti seperti ini mempunyai 'concentration' kuasa pasaran yang begitu tertumpu kepada satu entiti dan semestinya ia tidak cekap. Dan bukan itu sahaja, ianya tidak membawa entiti tersebut untuk menjadi inovatif dan sebagainya, untuk bersaing di peringkat antarabangsa.

Satu perkara lagi yang wujud sekarang ini, ialah tentang pentakrifan selari dengan perkara yang saya timbulkan tadi ialah apakah dia takrif conglomerate yang kita hendak bina di Malaysia ini. Sekarang ini seolah-olah ada conglomerate ala Asia Timur dan conglomerate dari segi Barat. Conglomerate di Asia Timur ini, saya tidak hendak sebut di Malaysia tetapi yang di Korea, yang di Taiwan dan sebagainya, yang 'Chebo', yang 'Sogososha' dia - ini segala macam industri, yang kalau tadi 'vertically integrated', yang ini dia 'horizontally integrated'. Saya terlibat daripada sektor kewangan, sektor perladangan, sektor hartanah, kereta macam-macam. Jadi satu jenis conglomerate yang seperti itu macam Hyundai, macam Samsung dan sebagainya.

[Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat) *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Dan satu lagi jenis conglomerate yang ala Barat sedikit, yang macam Disney, yang terlibat dalam Disneyland tetapi dia juga terlibat dalam penyiaran, multimedia punya subindustri dan sebagainya. Kita merasakan bahawa conglomerate seperti yang kedua itu, adalah lebih berkemampuan untuk bersaing dan lebih bermakna dari segi kalau kita hendak mencorakkan bagaimana struktur organisasi industri negara hendak ditujukan.

Kita risau, seperti juga yang saya timbulkan tentang kewujudan 'vertically integrated firms' ini, kewujudan firms yang terlalu tersebar merata dalam begitu banyak bidang yang kita rasa tidak mempunyai kemampuan 'synergy' untuk membantu antara satu sama lain.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: [*Bangun*]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan lanjut sebab saya keliru, Yang Berhormat kata tadi mana-mana organisasi yang 'vertically integrated' tidak inovatif, tidak efisien. Tetapi Yang Berhormat kata tadi yang Barat seperti Disney ini, yang itu adalah 'vertically integrated' dan Yang Berhormat kata efisien pula, pada hal 'Chebo' macam di Korea yang 'diversified' ianya Yang Berhormat kata tidak efisien. Bolehkah perbetulkan kekeliruan saya, sebab saya hendak jawab Yang Berhormat dengan terang.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih, saya mengatakan bahawa pada hakikatnya apa-apa juga entiti yang vertically intergrated ia tidaklah efisien itu, saya berpegang kepada hakikat tersebut. Itu soal lain. Yang saya katakan tadi ialah soal yang kedua itu tadi, tentang apakah takrif 'conglomerate' yang kita hendak bina.

Misalnya Disney, Disney tidak vertically integrated, kalau bukan macam UEM kita, dia buat highway, dia jaga tempat-tempat rehat, dia juga bekal bahan-bahan binaan dan seterusnya. Jadi, yang itu maksud saya vertically integrated yang tidak berapa efisien. Tetapi maksud saya tentang Disney, Disney dia dalam perniagaan yang berkaitan.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Mungkin Yang Berhormat lebih mengetahui. Tetapi Disney, dia ada Disneyland, dia sendiri yang mengeluarkan model, dia sendiri yang mengeluarkan komik, dia masih mengeluarkan filem. Apakah itu bukan vertically integrated?

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Memang ada unsur vertical integration dalam subindustri yang Disney terlibat tetapi dari segi Disney sebagai satu conglomerate, misalnya dia terlibat dalam Disneyland itu memang dia 'merchandising' daripada merchandising segala macam sampailah kepada pembekalan perkhidmatan. Tetapi sub bidang lain yang dia terlibat, apabila dia hendak mengembangkan perniagaan core dia, dia pergi kepada 'multimedia application' tetapi pembekalan 'movie' tersebut daripada dia jugalah. Tetapi, ada 'synergy', asal daripada core bussines dia, dia kembang ke situ, selepas itu dia hendak pergi kepada mungkin 'publication' yang berkaitan daripada terbitan daripada core dia juga, dia pergi ke situ, dalam pada itu adalah sedikit vertical integration.

Tetapi yang saya risau ini yang macam, kita duduk dalam 'publication bussines', core bussines kita ada, lepas itu kita buat satu 'housing' pula, lepas itu kita masuk dalam 'banking', jadi, yang itu cuba kita hendak mungkin dapat penjelasan tentang apakah jenis 'conglomerate'. Jadi, saya tidak mahu buat satu hukuman dari segi conglomerate ini, jenis macam mana yang baik dan tidak baik. Tetapi kita ingin bertanya tentang jenis macam manakah yang memungkinkan kita mewujudkan satu struktur organisasi yang memberi kita kemampuan untuk bersaing di pasaran antarabangsa.

Sebenarnya itulah persoalan yang kita timbulkan sebab kita nampak sekarang ini terlalu banyak melalui sama ada proses penswastaan atau 'merges and acquisition' ini, duit sana sini, exchange beratus-ratus bilion, berbilion-bilion ringgit tetapi maka daripada satu entiti yang tidak ada diversified kononnya, dia jadilah diversified melalui proses yang tersebut. Tetapi apakah melalui proses ini, kita mewujudkan satu ketumpatan kepakaran dan kemampuan kewangan yang membolehkan kita mewujudkan 'niche' kita sebagai satu negara untuk kita bersaing. Ataupun adakah cara kita pergi ke merata ceruk ini, dengan cara aggregatnya, dia jadi besar, maka kita berasa selesa dengan kebesaran syarikat-syarikat yang kita ada.

Jadi, persoalannya bukan sangat kita buat satu hukuman, tetapi kita ingin bertanya apakah jenis, apakah dia strategi dari segi memupuk industri yang lebih memungkinkan kita inovatif dan sebagainya untuk bersaing di pasaran antarabangsa, kerana kita tahu bahawa masa depan ekonomi kita bergantung kepada keupayaan kita untuk bersaing di pasaran antarabangsa kerana kita rasakan bahawa walaupun kita negara perdagangan yang besar di dunia ini hari ini tetapi sebahagian besar perdagangan yang dilakukan itu bukanlah dilakukan oleh firma-firma ataupun syarikat-syarikat Malaysia tetapi lebih dilakukan oleh firma ataupun syarikat-syarikat pelabur asing melalui multinasional dan sebagainya. Oleh yang demikian....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih. Oleh yang demikian, kita harus berfikir untuk ke depan untuk membolehkan kita menjana syarikat tempatan sendiri yang terlibat dalam perdagangan antarabangsa inilah, kita kena fikir daripada sekarang apakah dia polisi yang patut kita guna untuk mewujudkan entiti-entiti yang berkemampuan untuk jangka masa panjang untuk

mewujudkan satu 'niche' dalam pasaran dunia di mana Malaysia boleh menjadi satu pemain secara global yang diambil kira dalam perdagangan antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Kepong.

4.09 ptg...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, memandangkan tidak banyak orang yang berminat di dalam kementerian ini, saya ada beberapa perkara yang hendak saya bangkitkan, muka surat 250 Butiran 030000, mukasurat 257 Butiran 050000 dan muka surat 247 Butiran 010000 dan ada banyak lagi.

Tuan Pengerusi, yang pertamanya, saya nampak dari perkhidmatan perakaunan dan juga perkhidmatan kewangannya dan pihak kementerian bertanggungjawab untuk memastikan semua kementerian di negara ini, jumlahnya 24 kementerian termasuk Kewangan yang mesti menguruskan masalah kewangan dengan baik dan berkesan.

Saya diberitahu oleh Yang Berhormat sendiri sekurang-kurangnya ada 7 kementerian yang kurang cekap di dalam pengurusan kewangan, yang perlu dipertingkatkan pengurusannya. Misalnya kalau tidak silap saya Kementerian Pendidikan, Kementerian Pertanian, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Penerangan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan juga Kementerian Dalam Negeri. Sekurang-kurangnya 7 kementerian ini tidak dapat menguruskan kewangannya dengan baik dan memandangkan tiap-tiap tahun kementerian-kementerian ini mendapat peruntukan berbilion-bilion ringgit dan kalaulah tidak cekap, kita akan menghadapi kesusahan.

Saya mencadangkan supaya pihak Kementerian Kewangan mengambil tindakan yang lebih ketat, mungkin satu daripada jenteranya ialah membuat satu laporan kepada Dewan yang mulia ini untuk memberitahu kepada Dewan Rakyat apakah tahap pencapaian dan prestasi kementerian tersebut di dalam pengurusan kewangan.

Tuan Pengerusi, seterusnya mengenai Tabung Pendidikan Nasional yang jumlah peruntukannya ialah RM100 juta. Nampaknya kita belum diberitahu butiran mengenai tabung seumpama ini, cuma kita tahu Universiti Malaya akan dikorporatkan. Pada akhir ini kita pun tidak tahu sama ada pengkorporatan itu berjaya dilaksanakan ataupun tidak. Selepas pengkorporatan atau penswastaan ini, maka wujudlah beberapa tabung termasuk Tabung

Pendidikan Nasional, kononnya tabung ini akan memberi jaminan kepada semua pelajar yang masuk kesembilan buah universiti di negara ini dan tidak lama lagi 10 buah universiti termasuk Institut Perguruan Sultan Idris di Tanjong Malim.

Tuan Pengerusi, bolehkah Yang Berhormat terangkan bagaimana tabung ini akan memberi manfaat, akan menjamin semua pelajar terutamanya pelajar yang miskin, yang dapat memasuki institusi pengajian tinggi dan bagaimana bayaran balik akan dikira? Nampaknya seperti mana yang diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan, pinjaman akan diberi kepada pelajar dan kemudian apabila mereka bekerja, mereka terpaksa bayar balik melalui gaji dan kaedah ini belum lagi diumumkan.

Walau bagaimanapun, saya berpendapat bahawa pihak kementerian mesti berhati-hati supaya tabung seumpama ini dapat ditubuh, kemudian digunakan dengan baik, dengan adil, saksama dan berkesan. Kerana masalah di dalam negara ini ialah dengan pinjaman seumpama ini, kebanyakan orang yang tidak dapat membayar balik, mungkin dengan kaedah melalui Lembaga Hasil Dalam Negara, kita berjaya untuk mengutip balik semua pinjaman ini. Walau bagaimanapun, yang penting sekali kita mesti menjamin semua pelajar yang miskin dapat meneruskan pelajarannya di institusi pengajian tinggi. Itulah yang penting.

Tuan Pengerusi, mengenai Bank Negara. Beberapa bulan yang lepas Statutory Research Requirement sudah ditingkatkan kepada 13.5%. Tindakan ini diambil kerana terlalu mudah mudah tunai (liquidity) di negara ini. Dengan banyaknya liquidity, kita takutlah menyebabkan inflasi, tekanan ke atas inflasi dan bolehkah Yang Berhormat terangkan sejak Statutory Research Requirement (SRR) ini ditetapkan kepada tahap yang paling tinggi iaitu 13.5%, apakah keadaan liquidity di negara ini? Kita mesti sentiasa berhati-hati kerana dengan terlalu banyak tekanan ke atas inflasi dan sebagainya, overheating mungkin akan berlaku. Saya berharap Yang Berhormat dapat menjawab perkara ini dan seterusnya.

Tuan Pengerusi, mengenai kejadian di mana peti-peti deposit dicuri, misalnya di cawangan MBf Finance di Kajang pada bulan Jun, 1993 dan juga di Taman Cheras pada bulan Mac tahun lepas.

Yang pertamanya, Tuan Pengerusi, saya tidak faham apakah peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara mengenai semua institusi yang mempunyai peti-peti deposit, peti-peti keselamatan yang tidak

selamat ini? Selepas kejadian kecurian peti-peti deposit ini, apakah tindakan seterusnya diambil oleh pihak Bank Negara? Bagaimana pampasan ataupun ganti rugi diuruskan untuk pen deposit-pen deposit yang malang ini?

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan kepada pihak Bank Negara, supaya selepas kejadian-kejadian yang seumpama ini, dapat mengadakan peraturan yang lebih ketat untuk semua institusi yang mempunyai peti pen deposit supaya tidak berlakunya kejadian tersebut. Apakah kaedah yang telah pun diadakan untuk menjamin tidak berlakunya insiden seperti ini dan juga bagaimana pen deposit diberikan ganti rugi?

Saya diberitahu bahawa pihaknya telah pun bercadang untuk mengadakan satu skim insurans, pelan insurans untuk semua pen deposit yang hilang deposit di dalam petinya kerana kejadian yang tertentu dan kemudian amaun RM10,000 akan dibayar pada setiap pen deposit yang malang ini. Adakah ini benar dan sebelum pelan insurans ini dilaksanakan, apakah akan terjadi dengan para pen deposit yang malang ini?

Tuan Pengerusi, saya hendak menekankan sekali lagi, saya ada nampak bahawa peti-peti deposit ini kalau dibina dengan baik, sangat kukuh, susah hendak kita pecahkan. Tetapi saya merasa hairan, mengapa pihak penjenayah dapat memecah masuk bilik-bilik sekuriti. Ini memang menunjukkan satu kelemahan dalam sistem pengawalan di dalam Bank Negara dan perkara ini perlu diselesaikan dengan baik.

Tuan Pengerusi, mengenai pelan strategi Bank Negara. Memandangkan sektor perbankan dan perkhidmatan-pekhidmatan kewangan mestilah menyahut perkembangan dan pergolakan yang wujud sekarang. Dan dengan pancaroba yang wujud sekarang, Bank Negara mestilah mengadakan pelan-pelan yang tertentu untuk menyesuaikan diri bagi menjamin kewangan yang kukuh dan stabil.

Dan apakah yang telah dibuat oleh Bank Negara untuk ke arah ini? Kerana, Tuan Pengerusi, di dalam usaha untuk mewujudkan kewangan yang stabil dan struktur yang baik, kita mesti mengambil beberapa langkah termasuk mengadakan Sistem Bayaran Elektronik Kebangsaan dan apakah kejayaan ataupun langkah yang akan diambil oleh pihak Bank Negara untuk mengadakan sistem seumpama ini? Bolehkah, Yang Berhormat terangkan di dalam sistem pelan Bank Negara ini, berapa fasa yang diwujudkan dan bagaimana pula status prestasi dan tahap pencapaian pelan statistik ini oleh Bank Negara pada tahun 2000?

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Dr. Tan Seng Giaw: Saya mesti gulung, Tuan Pengerusi. Pelan strategik Bank Negara ini memang penting, kalau tidak ada, kita tidak boleh menjamin kestabilan kewangan dan juga sistem struktur kewangan yang baik.

Tuan Pengerusi, di dalam usaha untuk menjayakan pelan strategik yang saya sebutkan tadi, saya berharap pihak Bank Negara dapat melatih, mengadakan tenaga yang baik, yang bermutu tinggi untuk menguruskan semua urusan ini kerana kita perlukan gunatenaga yang baik, ikhlas, bersih, cekap dan beramanah. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Tuan.

4.23 ptg.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin membangkitkan beberapa perkara mengenai peruntukan Kementerian Kewangan dan yang pertama, saya ingin menyentuh tentang perkhidmatan analisis ekonomi dan sumber.

Tuan Pengerusi, dalam konteks ini, saya ingin mencadangkan supaya pihak kementerian akan memberi tumpuan dalam analisisnya tentang potensi ekonomi dan sumber pertanian kita ke arah pembangunan masa depan ekonomi negara. Memandangkan kita bukan sahaja memerlukan banyak makanan untuk rakyat kita sendiri, tetapi dikatakan di dalam Perhimpunan Makanan Sedunia baru-baru ini, di mana lebih kurang 800 juta manusia memerlukan makanan di seluruh dunia di masa yang akan datang.

Sudah tentunyalah, dikatakan bahawa kebanyakan mereka ini mati kebuluran sekiranya tidak ada peningkatan pengeluaran makanan di beberapa negara. Yang paling ketara ialah keperluan di negeri China akan bertambah dua kali ganda, demikian juga kebanyakan negara di rantau ASEAN. Jadi, di dalam konteks ini, Tuan Pengerusi, kita harus berwaspada kalau-kalau keperluan makanan menjelang atau selepas tahun 2000 ini akan begitu mendesak. Walaupun pada masa ini kita hanya mengimport lebih kurang 40 peratus daripada keperluan kita tetapi, apakah akan terjadi sekiranya tidak ada yang diimport makanan untuk negara kita? Saya nampak di masa kini ialah kita terlalu ghairah di dalam pengeluaran barangan untuk dieksport seperti kereta, komponen-komponen komputer, televisyen dan alat-alat telekomunikasi. Saya

bukanlah mengatakan ini salah tetapi kita harus membuat keseimbangan tentang keperluan kita dan juga keperluan rakyat pada keseluruhannya.

Memang tujuannya baik iaitu kita memperbaiki ekonomi dan eksport-negara kita dan di samping itu sebagai sampingan, rakyat akan mendapat pekerjaan. Tetapi seperti yang telah saya katakan tadi, iaitu apakah yang akan berlaku sekiranya tidak ada makanan dan justeru itulah saya memohon mencadangkan kerajaan membuat analisis tentang ke arah manakah dasar ekonomi kita ini akan menuju?

Di samping itu juga, saya ingin menyentuh tentang pelaburan di luar negara. Saya menyentuh ini sekali lagi oleh kerana walaupun dikatakan bahawa kita boleh menarik pelaburan negara asing tetapi pada jangka masa panjang, pada pendapat saya ialah rakyat asing atau pelabur-pelabur dari luar mungkin akan bertanya, mengapakah pelabur-pelabur Malaysia sendiri keluar daripada negara mereka, kalau betul-betul potensi ekonomi ataupun iklim pelaburan di negara sendiri itu begitu menyakinkan?

Tidak mungkin dan bukan senang mahu menjawab itu, dan akhirnya kita akan kehilangan ataupun membuat andaian ataupun satu gambaran bahawa kita tidak begitu yakin dengan pelaburan negara kita sendiri. Saya harap pihak penganalisis ekonomi di kementerian akan pertimbangkan perkara ini sebaik-baiknya.

Di samping itu juga, pengaliran dana pelaburan ini akan memburukkan lagi keadaan defisit akaun imbalan semasa kerana seperti yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pagi tadi, keuntungan pelaburan di luar negara ini tidak dibawa masuk, walaupun ada insentif. Mungkin ada pelabur-pelabur tempatan akan mengambil kesempatan untuk membawa keluar wang negara dan terus disimpan ke luar negeri bagi apa juga tujuan pun. Ini tidak akan

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:
[Bangun]

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Timbalan Menteri bangun.

Tuan Yunof Edward Maringking: Nanti saya akan.....

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya hendak perbetulkan supaya tidak sesat jauh sangat, sebab Yang Berhormat, Tuan Pengerusi, apa-apa wang pelaburan yang dilabur di

luar negara tidak dimasukkan dalam kiraan defisit akaun semasa. Defisit akaun semasa ialah duit yang keluar dari perbelanjaan kita, jadi, jangan sesat terlalu jauh.

Tuan Yunof Edward Maringking: Terima kasih, Dato'. Kita faham itu tetapi sekurang-kurangnya memang ada juga kesannya. Tidak mungkin tidak ada kesan, saya fikir Dato' pun bersetuju dalam hal itu.

Berpindah kepada perbelanjaan ataupun pemberian kepada negeri-negeri iaitu terdapat dalam keperluan wang cadangan untuk negeri.

Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya mengkaji semula tentang capitation grant dan juga road grant untuk negeri Sabah dan negeri Sarawak. Saya membangkitkan perkara ini bukan untuk menuntut hak negeri Sabah, tetapi untuk membuat keseimbangan pembangunan di seluruh negara.

Saya percaya bahawa kementerian tahu tentang keadaan di negeri Sabah sekarang dan keperluan kewangan. Memandangkan sumber-sumber kewangan sudah begitu terhad sehinggakan Belanjawan Negeri Sabah yang dibentangkan baru-baru ini walaupun pada dasarnya merupakan Belanjawan surplus, tetapi pada hakikatnya ialah defisit, lebih kurang RM800 juta.

Saya difahamkan bahawa yang RM800 juta itu diharapkan diperolehi daripada penjualan kayu balak dan juga penjualan agensi kerajaan HLDB, tetapi belum pun dijual. Kita tidak tahu berapakah pendapatan akan diperolehi daripada penjualan ini? Maksud saya membangkitkan perkara ini ialah kerana ini menggambarkan bahawa kerajaan negeri terdesak untuk menunaikan janji-janji Barisan Nasional dalam tahun 1994, di mana kita dijanjikan bahawa di negeri Sabah setelah Barisan Nasional memerintah nanti, tidak ada lagi orang miskin dan tidak ada lagi orang yang tidak ada rumah dan ada jalan raya yang begitu cantik sekali nanti. Di luar bandar, semuanya ada lampu.

Tetapi sehingga sekarang, janji-janji ini belum ditunaikan. Belum pun satu persepuluh yang ditunaikan. Jadi, itulah sebabnya saya fikir untuk memenuhi aspirasi ataupun expectation rakyat daripada janji-janji ini, kerajaan perlu menambah peruntukan bagi negeri Sabah, terutama untuk pembangunan.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Yunof Edward Maringking: Ya, satu lagi, Tuan Pengerusi. Jadi, di dalam konteks ini

juga, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai cara-cara penjualan aset-aset negeri Sabah yang begitu mengelirukan melalui penyenaaran di Bursa Saham Kuala Lumpur. Misalnya, Sabah Bank disenaraikan melalui kompeni atau syarikat yang walaupun pemilik Sabah Bank, tetapi seharusnya Sabah Bank disenaraikan terus, tetapi tidak dibuat sedemikian. Jadi, saya inginkan penjelasan kenapa itu berlaku?

Demikian juga tentang Sabah Development Bank iaitu disenaraikan melalui beberapa syarikat, sedangkan saya dimaklumkan bahawa syarikat-syarikat ataupun agensi-agensi kerajaan ini boleh disenaraikan terus ke Bursa Saham Kuala Lumpur. Jadi, apakah sebabnya ia tidak disenaraikan terus?

Yang akhir sekali ialah mengenai dasar perindustrian di negeri Sabah iaitu kita faham bahawa kerajaan negeri mempunyai insentif-insentif tertentu dari segi cukai untuk perkembangan industri di negeri Sabah, tetapi tidak berkesan. Saya harap pihak Kementerian Kewangan akan membuat penyelidikan kenapakah pelabur-pelabur tidak berminat datang ke negeri Sabah, walaupun sudah tiga tahun Kerajaan Persekutuan sudah mempunyai hubungan yang erat dan yang diharap-harapkan oleh para pelabur bahawa inilah kononnya yang akan memastikan pelaburan akan mengalir ataupun berduyun-duyun datang ke Sabah, tetapi malangnya tidak jadi begitu? Saya harap pihak kementerian membuat kajian untuk perancangan ekonomi di negeri Sabah supaya para pelabur akan lebih tertarik lagi datang ke negeri Sabah itu.

Tuan Pengerusi, sekian.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri diminta jawab.

4.35 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar]: Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan dari Kota Melaka, Tambun, Balik Pulau, Kepong dan juga dari Tuaran yang telah membahaskan peruntukan yang disenaraikan bagi Kementerian Kewangan.

Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka telah membangkitkan beberapa perkara mengenai dengan kemiskinan, penswastan MARA Holdings, penjualan bank-bank, peranan Tun Daim dan lain-lain lagi. Ingin saya menyatakan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa di dalam usaha kerajaan untuk menjual ataupun memastikan apa yang dimaksudkan mergre yang membabitkan syarikat-

syarikat, kerajaan tidak terikat kepada prosedur tender kerana kerajaan boleh memilih prosedur-prosedur ataupun cara-cara lain iaitu dari segi selective tender ataupun dari segi memberi terus kepada orang-orang yang pihak kerajaan pasti akan dapat menjayakan usaha ini.

Jadi, soal mengapa ianya diberi kepada Rashid Hussein, mengapa ianya diberi kepada Dato' Yahya dan mengapa diberi kepada Nadzmi ataupun Yang Berhormat Senator Ibrahim Ali tidak berbangkit kerana keputusan yang dibuat oleh kerajaan itu adalah keputusan yang berasaskan kepada pilihan kerajaan tidak akan menender secara terbuka.

Kerajaan mempunyai pilihan iaitu saya ulang balik semula, sebab Yang Berhormat baru masuk, saya ingat Yang Berhormat tidak masuk tadi. Jadi, kerajaan mencari jalan yang paling baik iaitu jalan yang akan memastikan usaha kerajaan itu berjaya. Misalannya, HICOM diberi kepada Dato' Yahya. Pertama, kita hendak memperbanyakkan penglibatan bumiputera di dalam bidang pengilangan, misalannya dalam pengilangan industri besar.

Yang kedua, bukan sebarang bumiputera boleh diberi. Bukan sebarang bumiputera yang berniaga boleh diberi. Diberikan kepada Dato' Yahya Ahmad dahulu kerana Dato' Yahya adalah seorang bumiputera yang mempunyai kepakaran di dalam bidang automative engineering dan juga di dalam bidang perniagaan. Jadi, elemen-elemen ataupun anasir-anasir inilah yang digunakan oleh kerajaan.

Jikalau MARA Holdings hendak diberi kepada Encik Nadzmi, seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, itu disebabkan oleh kebolehan Encik Nadzmi menguruskan atau memastikan bahawa MARA Holdings akan terus maju dan akan terus diuruskan dengan baik memandangkan banyak kepelbagaian asas perniagaan MARA Holdings yang ada sekarang.

Jadi, di sinilah yang pentingnya Yang Berhormat, Yang Berhormat selalu bercakap mengapa tidak diadakan tender terbuka? Kerajaan tidak terikat dengan prosedurnya kepada tender terbuka. Malah, di dalam pemberian kontrak-kontrak bukan semuanya tender ataupun pemberian itu dibuat melalui tender terbuka. Proses selected tender, proses diberi begitu mengikut negotiated tendering dan lain-lain lagi.

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jadi, apabila Yang Berhormat bangkitkan itu, seolah-olah

kerajaan terikat. Jadi, inilah yang saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat, cara kerajaan menjalankan usaha-usaha ini untuk, satu, memastikan.....sekejap *[ditujukan kepada Yang Berhormat dari Kota Melaka]* memastikan penglibatan bumiputera, yang kedua memastikan penglibatan itu akan membawa hasil yang positif.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Kalau mengikut penjelasan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, mengapa pula apabila kerajaan memberikan Projek Lebuhraya Utara-Selatan, pun serupa sungguhpun PLUS atau UEM pada masa itu tidak ada pengalaman langsung membina jalan raya, tidak mahu cakap tentang lebuhraya.

Yang kedua juga tentang IWK, serupa juga, sungguhpun tidak ada pengalaman. Jadi, kalau cakap tentang pengalaman, saya rasa itu bukan faktor utama kerana kerajaan sepanjang ini tidak konsisten, jadi saya rasa kalau kita hendak berpegang kepada prinsip ketelusan adalah lebih baik ia mesti konsisten dan ia mesti dibuat secara terbuka. Kalau misalannya tentang Perwaja, bukan Maju Holdings, Renong, Westmont lain, semua boleh dipilih. Mengapa hanya, sebagai contohlah, mengapa hanya Maju Holdings dipilih? Serupa ini juga, apakah bukan lebih baik, kalau kita tidak mahu kejadian yang berlaku ke atas HICOM, dia beli bukan dengan wangnya, wang HICOM sendiri dia beli, itu yang menjadi masalah utama.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya tidak pernah menyebut mengenai dengan pengalaman. Saya sebut tadi dua faktor iaitu faktor bumiputera dan faktor kebolehan. Kalau hendak ikut Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka, pembinaan PLUS, masa PLUS membina Lebuhraya Utara-Selatan dahulu, mana ada syarikat pembinaan di negara kita yang mempunyai pengalaman? Tidak ada. Hanya yang ada ialah kebolehan mengurus, yang membina pakej-pakej dalam....sekejap, beri saya habis dahulu *[ditujukan kepada Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka]*.....yang membina pakej-pakej di dalam Lebuhraya Utara-Selatan itu ialah kebanyakannya dari luar negeri, dari Korea, Jepun dan Taiwan. PLUS hanya sebagai satu badan pengurusan yang hendak memastikan bahawa segala sumber-sumber tempatan digunakan, baik dari segi sumber tenaga manusia, sumber bahan-bahan dan lain-lain, jadi kita memilih PLUS ataupun UEM bukan di atas pengalaman yang membina tetapi keupayaannya mengurus dan juga mempelajari daripada kerja-kerja engineering.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, apabila Projek Lebuhraya Utara-Selatan diberikan kepada UEM, ada penender-penender lain yang memberikan harga yang lebih baik, juga membuat tawaran tetapi tidak diterima seperti Hati Budi dan juga Pilecon. Pilecon adalah sebuah syarikat yang disenaraikan dalam BSKL yang merupakan sebuah syarikat kejuruteraan. Ia ada pengalaman dalam membina jalan raya. Bukan sahaja dari segi pengurusan tetapi dari segi teknikalnya, mereka ada, tetapi ia tidak diberikan kepadanya. Oleh sebab itu, saya rasa hujah utama saya kalau pun ikut pengalaman memang kurang, kalau kita cakap tentang kebolehan dan juga dari segi kekuatan kewangannya, tentang HICOM, saya rasa ada ataupun dengan UEM dan juga kontrak-kontrak besar lain, ada pihak-pihak lain yang juga sama-sama mampu sama ada kaum bumiputera atau bukan bumiputera.

Kaum bumiputera seperti Renong, Halim Arshad ataupun Tan Sri Wan Azmi dan kaum bukan bumiputera pun ada lebih banyak lagi. Oleh sebab itu saya rasa kalau kita hendak memberikan projek-projek ini kepada pihak swasta, kita mesti konsisten dan telus, jangan seperti yang berlaku pada kes tertentu, kita ikut prosedur yang ditetapkan tetapi untuk kes lain kita semua diberikan pengecualian.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, kalau Yang Berhormat mengikut logik hujah saya tadi, mana ada, kita tidak mengikut satu konsistensi sebab satu bidang kita beri open tender, satu bidang kita memilih. Jadi, yang kita percakapkan tadi ialah memilih. Pemilihan UEM ataupun pemilihan PLUS adalah dibuat oleh kerajaan berdasarkan beberapa faktor. Mengapa ianya tidak diberikan kepada Pilecon, mungkin Pilecon merupakan satu syarikat yang telah established. Apa salah jikalau kerajaan cuba membanyakkan syarikat-syarikat besar, syarikat-syarikat conglomerate yang besar, mengapa harus dituju kepada Pilecon?

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman:
[Bangun]

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Begitu juga yang lain. Jadi, soal kerajaan memberi ini adalah mengikut neraca-neraca yang ada di dalam dasar pembangunan kerajaan untuk menyamaratakan peluang kepada semua khususnya kepada kaum bumiputera yang baru sahaja memasuki dalam bidang ini. Jadi.....

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Yang Berhormat, Pokok Sena bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Sekejap ya. Yang Berhormat membangkitkan perkara ini, perkara yang tidak habis diperbahaskan dan ianya

menjadi satu biting over dead horse, dengan izin, Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

Wan Hanafiah bin Wan Mat Saman: Tuan Pengerusi, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab beliau berkata bahawa apabila kerajaan memilih dengan sesuatu tujuan supaya hendak memajukan ramai lagi kaum bumiputera. Saya ingin tahu bagaimana kalau tersalah pilih atau tidak mungkinkah tersalah pilih. Saya beri contoh, contoh sahaja, bukan betul. Kalau kita beri HICOM kepada Tan Sri Yahaya untuk hendak meningkatkan atau hendak memajukan bumiputera tetapi apabila dia naik, dia tidak membuat sesuatu perkara yang niat kerajaan untuk memajukan kaum bumiputera. Apabila, misalnya, HICOM ini bila dia naik, dia memperbanyakkan kaum-kaum yang bukan bumiputera, bagaimana keadaannya? Adakah kita boleh tarik balik ataupun buat sesuatu untuk hendak minta dia lari mengikut landasan yang kita kehendaki.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, jikalau itu dilakukan oleh Tan Sri Yahaya, maka ianya tergelincir daripada dasar kerajaan. Kalau Yang Berhormat ada contoh-contoh dan bukti-bukti yang boleh diutarakan, saya minta Yang Berhormat utarakan kerana dasar kita memberi kepada Tan Sri Yahaya Ahmad ialah kerana dia bumiputera yang berkebolehan, yang berkelulusan dalam automatif engineering dan mempunyai pegangan penguasaan kepada modal yang banyak dan yang cekap. Jadi, macam kata Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka tadi bahawa dia gunakan untuk pembelian. Jadi, ini ingin saya nyatakan bahawa harga penjualan 32% saham HICOM kepada Tan Sri Yahaya Ahmad adalah mengikut harga pasaran dan Yang Berhormat kata tadi dia menggunakan HICOM untuk membeli apa, saya pun kurang pasti apa Yang Berhormat maksudkan itu.

Tuan Lim Guan Eng: Cara pembelian HICOM adalah menerusi HICOM membeli sebuah syarikat Tan Sri Yahaya Ahmad untuk harga tertentu di mana wang ini akan digunakan untuk membeli HICOM keseluruhannya. Faham?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya, jadi itu adalah satu mekanisme yang kita kata menolong. Kadang-kadang macam PLUS dulu, kita memberi 'soft loan' kepada pihak PLUS dan kita memberi yang mana penswastakan bukan sahaja kerajaan menswastakan sesuatu itu dan dilepaskan begitu sahaja. Kita hendak memastikan bahawa proses penswastakan itu berjalan dengan jayanya dan kerajaan tidak memutuskan hubungan. Jadi, dari

sini, ianya merupakan satu kemudahan kepada beliau untuk mencapainya hasrat kerajaan itu. Jadi, sama-sama tolong menolong antara satu sama lain.

Tuan Lim Guan Eng: Saya amat terkejut apabila Yang Berhormat menyatakan bahawa ini adalah satu cara untuk menolong Tan Sri Yahya Ahmad. Sedangkan kalau beliau hendak membelikan HICOM, beliau patut menggunakan wang sendiri. Mengapa pula gunakan wang HICOM untuk beli HICOM? Saya rasa ini tak masuk akal. Kalau begitu, apabila MAS dijual kepada Tajudin Ramli, mengapa pula dia kena pinjam wang untuk membeli MAS? Tak boleh diberikan cara seperti ini. Di sini nampaknya tak konsisten. Banyak perkara tak konsisten seperti ini berlaku. Oleh sebab itu, saya rasa ia tidak berkepentingan negara, kerana sepatutnya harga HICOM yang kita patut dapat ialah RM1.7 bilion. Tetapi apabila cara ini digunakan, sebenarnya rakyat yang dapat wang adalah jauh lebih kurang, mungkin hanya kurang 50% daripada RM1.7 bilion. Harga sebenarnya yang dijual kepada Tan Sri Yahya Ahmad mungkin bukan RM1.7 bilion, tetapi 50% sahaja. Itu bukan nilai pasaran, sebenarnya HICOM.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Kalau hendak dipersoalkan cara-cara kerajaan membuat, soal tidak konsisten ataupun tidak ataupun konsisten, ini tidak habis kita bicarakan, kerana kerajaan mempunyai caranya sendiri untuk memastikan sesuatu. Mungkin soal perbezaan di antara situasi Tan Sri Yahya Ahmad dan Tan Sri Tanjuddin Ramli. Tajuddin Ramli telah pun membeli satu syarikat yang telah pun established. Pada hal Tan Sri Yahya Ahmad diberi satu usaha untuk memastikan satu bidang industri baru. Jadi, soal selok-belok kerajaan buat ini ada muslihatnya, asalkan ianya tidak merugikan negara, asalkan ianya akan mendatangkan manfaat banyak kepada negeri.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jadi, tentang - duduk dahulu Kepong, beri saya peluang bercakap. Jadi, tentang kerajaan melakukan sesuatu yang dikatakan tidak konsisten itu tidak berbangkit. Keadaannya berlainan di antara HICOM dengan MAS. MAS ialah satu syarikat yang sudah established yang sedang berjalan dengan elok. Soal Tan Sri Yahya Ahmad ialah satu syarikat yang memerlukan inovasi, yang memerlukan satu usaha yang baru. Jadi, treatment yang diberi oleh kerajaan itu mungkin berlainan, dan ianya dibuat semata-mata untuk memastikan bahawa usaha itu berjaya dan tidak akan merugikan negara di hari muka. Ya, Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, penjelasan. Saya tertarik kepada hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalau kita tengok Renong, UEM dan Flit Group semuanya, kita tengok dalam tempoh beberapa tahun ini, projek-projek penswastaaan di bawah naungan Renong, UEM dan Flit Group, adakah Yang Berhormat sedar bahawa sebahagian besar projek itu di dalam syarikat-syarikat yang telah saya sebutkan tadi. Adakah ini bermakna syarikat lain tidak mampu, tidak ada semangat keusahawanan. Semua syarikat sama ada bumiputera ataupun bukan bumiputera, dari Pokok Sena, Yan, Kepong, Kota Melaka, tidak ada yang lain, tidak ada lagi. Cuma Renong dan Flit Group dan juga UEM sahajalah yang ada kemampuan untuk mendapat semua projek termasuk laluan kedua ke Singapura, Kompleks Sukan Negara dan projek-projek gas. Semuanya di bawah Renong. Macam mana perkara seumpama ini boleh berlaku? Macam mana akan memberi manfaat kepada semua dan keadilan kepada semua?

Seorang Ahli: Cukuplah!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Yang Berhormat dari Kepong, ini ada kaitan dengan apa yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi. Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi bertanya, apakah struktur conglomerate negara? Jadi, beri peluang saya sekali jawab apa yang Kepong dan Balik Pulau bangkitkan. Jadi, negara kita adalah negara yang baru mencebur diri di dalam bidang perindustrian; bidang construction, bidang pengilangan, bidang perdagangan dan lain-lain lagi.

Menjawab soalan daripada Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi, saya ingin menyatakan di sini bahawa kita sedang mencari-cari cara mana. Kalau kita beri kepada UEM, jadi mungkin kita menghendakkan UEM menjadi satu conglomerate yang dia memegang kepada prinsip verticle integration, integrasi menegak. Atau, apakah ianya hendak menjadikan diversify yang dibangkit secara teoritical oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau tadi. Untuk menjawab keda-dua sekali, saya tidak dapat mengatakan yang mana lebih baik. Ini mesti berdasarkan kepada pengalaman kita. Verticle integration yang dikatakan tidak efficient tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau mungkin salah. Ada bidang-bidang yang mana vertical integration itu adalah efficient dan cekap. Ada bidang-bidang yang tidak efficient.

Jadi, di sini kita masih teraba-raba. Kita hendak mengikut Zaibatsu, Jepun, hendak ikut Chebo, Korea, hendak ikut conglomerate Amerika. Kita belum ada lagi satu formula, kerana kalau kita lihat....

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar:nanti sekejap, jangan bangun lagi, bagi saya habis lagi pemikiran saya.

Kalau kita lihat, di negara Amerika sekalipun, ada percampuran di antara sistem-sistem ini. Di satu bidang cara verticle integration lebih bagus, di satu bidang cara horizontal connection ataupun lingkage lebih bagus yang berasaskan kepada kepelbagaian aktiviti. Jadi, di sini jangan kita cuba menidakkan kebolehan ataupun apa yang berlaku sekarang. Kita tengok yang mana yang bagus. Jadi, Yang Berhormat bangkit tentang mengapa diberi UEM, Renong. Bagi peluang kepada conglomerate ini menentukan adakah ianya berjaya ataupun tidak. Banyak lagi peluang untuk lain-lain syarikat di dalam negara ini mendapat consession, mendapat peluang memajukan negara apa industri bidang aktiviti.

Jadi, janganlah pada peringkat ini kata, oh ini jangan, itu boleh, ini jangan, itu boleh. Sebab kita masih lagi di dalam usaha kita untuk mengenal kebolehan dan kelemahan kita.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, jawapan asal saya tentang Tan Sri Yahya Ahmad dan HICOM. Saya rasa saya tak boleh bersetuju dengan Timbalan Menteri apabila mengatakan HICOM masih belum kukuh dan established lagi, kerana memang HICOM yang mengeluarkan kereta Proton ini sudah kukuh. Tetapi kalau pun hendak beri kepada seorang yang berkemampuan dan berkebolehan kepada Tan Sri Yahya Ahmad, saya rasa kita tidak akan menentang, asalkan harganya adalah munasabah.

Yang kedua, ia dibuat secara telus. Yang ketiga, ia memberikan manfaat kepada pengguna, khasnya pembeli-pembeli kereta Proton yang menyokong usaha ini. Tetapi apabila kita nampak sungguhpun dia mendapat berbagai-bagai faedah, sama ada dari segi yang pertama, tanpa tender terbuka. Yang kedua, cara pembayaran untuk HICOM ini ialah menerusi aset HICOM sendiri. Yang ketiga, tidak ada manfaat kepada rakyat Malaysia. Contoh yang paling nyata ialah apabila nilai mata wang Yen turun, harga kereta Proton masih tidak turun. Oleh sebab itu, saya tidak nampak apa faedah kepada kita. Sungguhpun dia berkebolehan, tetapi takkan dia hanya boleh dapat untung sahaja, rakyat tak untung. Itu yang saya rasa di sini kita tidak boleh terima.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Setengah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu telah saya jawab. Tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa untuk mengatakan bahawa HICOM telah

berjaya, sebenarnya tidak boleh kita nyatakan lagi dari segi penguasaan pasaran. Kalau HICOM boleh berjaya jikalau ianya boleh menguasai lebih daripada 4% pasaran motokar sedunia. Sekarang kita cuba mencapai setakat itu. Jadi, untuk Yang Berhormat mengatakan HICOM telah pun berjaya adalah tidak tepat. Mengenai dengan telus, pada hakikatnya Yang Berhormat tahu itu semua fakta ini, itu teluslah. Transparent, Yang Berhormat mengetahui - teluslah.

Tuan Lim Guan Eng: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Mekanismenya, segala mekanisme, nanti sekejap saya beri.

Mengenai dengan soal rakyat - tidak. Saya fikir, rakyat biasa yang mampu membeli kereta Proton memang mendapat manfaatnya kerana kereta Proton adalah lebih murah daripada lain-lain kereta di dalam tiap-tiap kelasnya. Macam mana Yang Berhormat kata tidak mendapat manfaat? Misalannya, pengeluaran motosikal baru-baru ini, harganya paling rendah dibandingkan dengan motosikal lain. Itu manfaat kepada rakyat. Jadi, manfaat macam mana Yang Berhormat kata ini?

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Nanti dahulu, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya beri peluang kepada Balik Pulau dahulu.

Tuan Pengerusi [Tuan Ong Tee Keat]: Balik Pulau bangun tadi.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Terima kasih. Sebenarnya saya hendak mohon penjelasan tentang soalan yang ditimbulkan oleh Kota Melaka kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dia mengatakan, yang menjadi pokoknya di sini, bahawasanya HICOM tidak dijual kepada Tan Sri Yahya dengan harga yang dikatakan kerana ada 'swop'. Jadi, saya ingin hendak mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah mungkin Kota Melaka tidak faham dari segi 'swop exercise' yang dilakukan oleh Tan Sri Yahya. Yang dibayar kepada Khazanah adalah harga yang dipersetujui mengikut peratusan yang dipersetujui. Itu sudah jelas. Tidak boleh kita katakan, oleh sebab ada 'swop' balik, tinggal setengah, maknanya Khazanah dapat banyak mana yang dijual.

Tentang siapa yang hendak diberi dan polisi untuk diberi itu, tadi, Yang Berhormat Kota Melaka kata dia tidak ada masalah dari segi ketelusan, seperti

Yang Berhormat Timbalan Menteri kata dia pun tahu tentang ini. Dari segi adakah ini memanfaatkan rakyat, sebagai contoh harga kereta turun apabila Yen tidak turun, ini sekali lagi memperlihatkan bahawa mungkin Kota Melaka tidak faham dari segi cara bagaimana kadar tukaran asing dapat mempengaruhi harga proses mekanisme dia, mungkin Yang Berhormat Kota Melaka tidak faham, tetapi apa yang saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri ialah mungkin Kota Melaka tidak faham. Tuduhan dia yang terbesar saya ingat ialah ia mengatakan bahawa harga yang Tan Sri Yahya bayar untuk HICOM kepada Khazanah setengah sahaja, sebab ada 'swop'. Cara 'swop' yang Tan Sri Yahya buat DRB, HICOM dan sebagainya, ini merupakan kaedah untuk dia membiayai pembelian tersebut. Itu cara dia buat, tetapi jumlah payment yang dia bayar kepada Khazanah adalah jumlah yang sama, tidak boleh disamakan dengan Tan Sri Tajuddin yang meminjam keseluruhannya. Jadi, mungkin Ahli dari Kota Melaka kurang faham kot dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Lim Guan Eng: [*Bangun*]

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, itu yang saya kata tadi, satu kemudahan yang diberi kepada Tan Sri Yahya ialah untuk membuat 'swopping' - seperti yang disebut oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau. Jadi, saya cuba memberi keterangan ini secara man on the street. Terima kasih banyakkah kepada Balik Pulau kerana tolong secara incessive kepada saya. Yang Berhormat Kota Melaka, sila.

Tuan Lim Guan Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya rasa perkara yang paling pokok sekali, seperti mana yang saya sebutkan tadi ialah tentang faedah yang boleh diperolehi daripada rakyat, apabila mereka telah melaburkan berbilion-bilion ringgit dalam penubuhan Proton dan juga HICOM. Tadi Yang Berhormat mengatakan bahawa rakyat menerima faedah kerana harga kereta Proton adalah jauh lebih rendah kalau berbanding dengan kereta-kereta lain. Saya rasa itu tidak mencerminkan keadaan yang sebenarnya dan semua kereta- bukan buatan Malaysia iaitu bukan Proton, ia dikenakan tarif dan duti, bukan seperti Proton dan kalau harga Proton sekarang adalah harga yang paling rendah sekali, saya rasa Yang Berhormat pun tahu perihal harga kereta Proton yang dijual di England adalah jauh lebih murah daripada yang dijual di negara kita sendiri.

Yang Berhormat dari Balik Pulau dia hendak cuba menyatakan saya tidak faham, saya faham. Tetapi dia kata saya tidak faham, tidak apa, kerana dia cuba hendak melindungi kerajaan Malaysia. Saya harap Yang Berhormat boleh menjawab, mengapa harga kereta Proton boleh dinaikkan dengan begitu cepat sekali apabila nilai matawang Yen naik, tetapi tidak sebaliknya apabila nilai mata wang Yen turun. Saya tidak tahu macam mana mekanismenya, elastic apabila naik, tetapi inelastic apabila turun. Itu yang tidak kena.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kota Melaka patut mengambil dua perspektif. Satu perspektif business. Jikalau kereta Proton masih boleh dijual dengan harga lebih rendah daripada kereta import, soal kerajaan mengenakan tarif, itu soal lain. Kita bercakap mengenai soal manfaat yang didapati oleh rakyat. Jadi, kalau ianya boleh dijual dengan lebih rendah, kita mengambil tarif untuk kereta-kereta yang diimport, itu soal lain.

Jadi, soal perspektif apa yang dipanggil social account metric, sosial akaun yang mana rakyat boleh mendapat manfaat daripadanya masih lagi wujud kerana dalam pemilihan rakyat, boleh dipilih kereta Proton di dalam negeri. Soal kereta Proton yang dijual di luar negeri dengan harga yang lebih rendah, yang dikatakan kita memberi subsidi, sebenarnya tidak. Kerana kalau kita lihat, ini soal perspektif business yang mana kita ada elemen promotion dan elemen-elemen pengenalan dan juga competition di pasaran yang sungguh bersaing. Jadi, janganlah soal Yang Berhormat men'simplify'kan atau meremehkan perkara ini dengan begitu rupa sehigga kita sendiri terkeliru.

Jadi, banyak perspektif business, soal pembahagian kekayaan dan lain-lain lagi. Jadi, kalau kita hendak bertengkar dalam hal ini, 5 jam tidak habis Yang Berhormat. Jadi, semuanya ada muslihat dan ada cara untuk kerajaan melakukan.

Yang Berhormat Kota Melaka juga membangkitkan perkara yang sungguh penting iaitu mengenai dengan kemiskinan. Tahap yang digunakan untuk mengukur kemiskinan, Yang Berhormat kata mungkin sudah out-dated. Yang Berhormat mencadangkan RM500 ataupun mengatakan RM500 sekeluarga lima atau enam orang family size - itu ada terlalu rendah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, anggaran kemiskinan yang tercatat dalam Rancangan Malaysia Ketujuh bagi tahun 1995 adalah berasaskan kajian

pendapatan isi rumah tahun 1995 - bukan 1997, yang dikendalikan oleh Jabatan Perangkaan iaitu RM425 sebulan bagi isi rumah saiz 4.6 orang. Itu tadi keseluruhannya. Apabila dipecahkan, Semenanjung Malaysia RM601 sebulan bagi isi rumah yang saiz 4.9 orang iaitu lebih besar lagi, di Sabah RM518 sebulan bagi isi rumah 4.8 orang dan juga di Sarawak - kriteria RM500 yang boleh digunakan pada masa hadapan untuk mengukur kadar kemiskinan.

Ini ditentukan berdasar kajian yang bukan ditentukan kepada kriteria subjektif. Jadi, apa yang disebut RM500 itu adalah purata bagi kawasan ini, tetapi Yang Berhormat membangkitkan satu point yang saya juga setuju, kerana kalau diambil RM500 pada Semenanjung, ianya tidak dibahagi-bahagikan (stratify) kepada kawasan bandar, maka ianya tidak menunjukkan realiti yang sebenarnya kerana di bandar pembelian (purchasing power) sebanyak RM500 dengan di kawasan luar bandar adalah berlainan. Kita mengirakan pendapatan ini adalah di dalam bentuk tunai. Pendapatan RM500 di luar bandar mungkin lebih menyenangkan orang daripada pendapatan RM500 di bandar, kerana di desa dia mendapat makanan pada kos yang lebih rendah. Di bandar semuanya kena beli - serai pun kena beli. Jadi, di luar bandar dia dapat free. Jadi, ini akan dikaji supaya dapat di'refine'kan lagi oleh pihak kerajaan khususnya Jabatan Perangkaan.

Ahli Yang Berhormat membangkitkan juga mengenai dengan jurang pendapatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di dalam proses pembangunan ekonomi model kapitalistik yang kita pakai dari segi production aspect ini. Memang itu berlaku, di mana-mana negara yang sedang meningkat growthnya, jurang pendapatan di antara yang paling tertinggi yang paling atas dan 25% yang paling bawah, memang ianya akan merenggang lagi besar, melainkan pihak kerajaan yang memerintah memastikan bahawa kemudahan yang lain diberi kepada rakyat yang di bawah.

Kalau Ahli Yang Berhormat lihat di Amerika sekalipun di dalam pembangunan growthnya pendapatan penduduk di Apalachian, di Ozark, Mountain, kebanyakannya relatifnya adalah lebih. Jadi, ini adalah satu pola yang peculiar kepada pembangunan kapitalistik yang diterima di seluruh dunia. Pembangunan secara sosialistik tidak berjalan dan tidak berjaya tetapi terletak kepada pihak kerajaan yang memerintah memastikan bahawa the invisible hand dan trickling-down effect yang

dikatakan oleh Adam Smith itu berlaku dan di negara kita memang berlaku intervensi daripada invisible hand dan trickling-down effect, Ahli Yang Berhormat sendiri sedia lihat di dalam PPRT, di dalam projek-projek yang lain, yang mana rakyat mendapat perkongsian kekayaan negara di dalam bentuk lain selain dari tunai.

Yang kita mempercakapkan, Yang Berhormat, bila kita mengira pendapatan the first quartile dengan the fourth quartile ialah pada asas tunai ataupun bila kita kira pendapatan daripada Gini coefficient selalunya dia besar, tetapi soalnya apakah yang memerintah/pemerintah itu me"mitigate" ataupun mensesderhanakan ini melalui sumber-sumber lain, cara-cara lain, bentuk-bentuk lain mesti juga dipersoalkan?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya rasa itu adalah satu persetujuan yang baik oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana saya membangkitkan masalah ini kerana ramai pemimpin Barisan Nasional memberikan satu tanggapan bahawa pembangunan ekonomi di negara kita begitu baik sehingga masalah kemiskinan bukanlah satu masalah besar lagi kepada negara kita.

Dari segi absolute seperti yang saya menyatakan dalam ucapan tadi, saya bersetuju. Tetapi kalau kita bercakap dari segi realiti, saya gembira bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun bersetuju dengan saya bahawa dari segi relative poverty, kalau kita lihat ia masih merupakan satu masalah yang saya rasa serius, yang mesti diberikan perhatian oleh pihak kerajaan.

Selain dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang memberikan amaran tentang bahayanya, dengan izin, a sense of complacency. Tetapi, saya tidak lihat di kalangan pemimpin lain, kecuali mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya rasa kita harus mempunyai sikap bahawa masalah relative poverty, dengan izin, masih wujud dan masih serius. Seperti di mana laporan UN Human Development Report sendiri menunjukkan bahawa Malaysia merupakan perbezaan jurang pendapatan yang paling besar di benua Asia. Dan saya rasa itu harus diberikan perhatian serius dan satu langkah seperti Yang Berhormat pun bersetuju tadi, bahawa dari segi tahap kemiskinan mesti dinaikkan dari RM500 kepada satu angka yang saya rasa lebih munasabah.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya tidak pernah menafikan kejayaan kita, memang kita berjaya. Yang saya sebut tadi,

soal-soal yang realiti akademiknya iaitu Malaysia yang paling banyak jurang pendapatannya ialah disebabkan growthnya yang paling tinggi. Ada positif correlation di antara economic growth and disparity of income, jikalau dibiarkan begitu.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin] *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Pengerusi, tetapi saya mengatakan tadi, bahawa kita mesti mengakui bahawa pembangunan bukan pertumbuhan, ada dua aspek ini. Pertumbuhan ialah the growth, pembangunan ialah development. Pembangunan ekonomi di negara kita tidak dapat ditandingi oleh negara-negara lain di dalam bentuk kita mengagih-agihkan manfaat, mengagih-agihkan kekayaan negara di dalam bentuk-bentuk lain yang tidak ditunjuk di dalam Gini coefficient, yang tidak ditunjuk di dalam pendapatan quartile-quartile yang keempat tadi.

Jadi, terima kasih Ahli Yang Berhormat mengenai dengan hal itu dan kita, kalau kita hendak melihat secara detail, saya bersetujulah kita stratifykan bandar, luar bandar dan lain-lain lagi.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun membangkitkan beberapa perkara yang penting, beliau membangkitkan mengenai memberi pinjaman secara conventional lending ...

Tuan Lim Guan Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kota Melaka bangun lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Minta maaf, tentang bank itu? Penjualan-penjualan bank.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Penjualan-penjualan bank itu memang digalakkan oleh kerajaan untuk tujuan mergre. Kerana kita pada masa ini sedang menghadapi masalah kekurangan. Pertama, kekurangan pekerja mahir bank pada peringkat middle level, kita menggalakkan bank-bank kita merge ataupun bercantum dan meningkat diri mereka kepada tier satu iaitu pengemblengan, modal berbayar yang banyak dan mengambil peluang the economy of scale.

Tuan Pengerusi, jadi, memang kerajaan menggalakkan itu dan cara mana dibuat asalkan ianya mengikut lunas-lunas dan garis panduan yang diberi oleh Bank Negara - tidak ada masalah! Jadi, inilah jawapannya.

Tuan Yunof Edward Marinking: *[Bangun]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Bank Sabah! Mengapa Bank Sabah tidak disenaraikan?

Saya belum lagi datang kepada Ahli Yang Berhormat! Baru saya hendak perabis Kota Melaka. *[Ketawa]*

Tuan Lim Guan Eng: Tadi, ialah dua persoalan saya tentang bank Kwong Yik Bank dan juga Hock Hwa Bank menerusi UCM. Di sini, saya rasa tentu pengecualian akan diberikan kepada pihak yang membelinya kerana terletak pada tahap 10%, kalau saya tidak silap. Di sini, saya rasa adakah pengecualian daripada Akta BAFIA akan diberikan? Yang kedua, sejauh manakah peranan Ahli Yang Berhormat Merbok dalam penjualan atau perbincangan dalam urusan penjualan Hock Hwa Bank kepada dua ahli lembaga pengarah UCM?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, buat masa sekarang ini tentang soal-soal mekanisme pembelian itu, saya pun belum mendapat tahu dengan secara detail. Ahli Yang Berhormat akan diberitahu nanti. Kerana, saya hanya dapat menjawab pada peringkat prinsip. Jadi, penglibatan Tun Daim, Ahli Yang Berhormat dari Merbok pun saya tak tahu, setakat mana penglibatannya. Kita akan mendapat maklumatnya selepas ini Yang Berhormat. Dan Ahli Yang Berhormat boleh bangkitkan dalam perbahasan yang lain.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun

Tuan Lim Guan Eng: Yow Teong Lee?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Pun sama juga!

Tuan Lim Guan Eng: Yow Teong Lee pun sama?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ahli Yang Berhormat lebih tahu banyak daripada saya *[Ketawa]* maksudnya sistem di negara kita ini amat telus. Jadi, mengapa Ahli Yang Berhormat kata tidak telus tadi?

Jadi, saya akan memberi secara bertulis kalau Ahli Yang Berhormat ingin mengetahuinya. Kerana adalah bahaya bagi saya membuat spekulasi di sini, walaupun saya tahu sedikit, tetapi banyak yang saya tidak tahu!

Jadi, bila saya memberi jawapan, Ahli Yang Berhormat nanti ambil tindakan, macam ke atas sahabat saya dari Batu Berendam dahulu, refer kepada Privilege Committee kerana salah maklumat yang diberi. Jadi, saya pun menghormati kedudukan Parlimen ini.

Ahli Yang Berhormat dari Tambun membangkitkan soal memberi pinjaman secara conventional lending. Saya fikir, Yang Berhormat adalah

sungguh advanced dalam hal ini, Ahli Yang Berhormat mencadangkan supaya kita hanya melihat kepada cash flow, aliran kewangan dan kepada kebolehan mengeluarkan. Asas ini selalunya berlaku pada sebuah masyarakat yang mundur ataupun ianya boleh berlaku kepada masyarakat yang terlalu maju. Kita dalam dok tengah-tengah. Yang mundur itu apabila kita memberi kredit kepada petani-petani untuk tanam dua kali setahun. Tidak ada cagaran, itu diberi di atas neraca the ability to produce ataupun kita memastikan the ability to produce, dengan izin, berdasarkan kepada supervision yang kita beri, oleh orang-orang yang mengetahui tentang bagaimana hendak menambahkan pengeluaran padi. Itu yang pertama.

Tetapi kita sekarang ini satu masyarakat yang baru di dalam bidang perbankan moden ini. Malah, yang dalam 10, 20 tahun yang kita memerlukan pinjaman wang dari bank, wang dari bank itu pun wang umum. Jadi, kalau tidak ada cagaran, masalah kepercayaan itu tidak ada. Malah, di dalam perbankan Islam pun kena ada cagaran. Jadi, cagaran ini penting pada bila-bila masa melainkan dalam masyarakat yang maju, yang mana kita tahu bahawa bank itu mempunyai 'relationship personal' dengan orang yang hendak meminjam. Tidak ada masalah. Macam di Amerika, seseorang billionaire dia boleh tulis atas kertas kosong, dia boleh sain cek atas kertas kosong, dia bayar, boleh dilakukan itu berasaskan kepada kepercayaan dan keyakinan boleh dibayar balik.

Tetapi di dalam keadaan kita, cagaran adalah penting - sekuriti, dalam keadaan fasa ini. Saya fikir cagaran tidak akan lupus, melainkan apa yang Yang Berhormat cadangkan tadi supaya diadakan bidang 'venture capital', itu lain cerita. 'Venture capital' yang mana diberi, dimasuk sebagai ekuiti, tetapi soal ini hendak beri pinjam semata-mata untuk pinjaman, itu saya kata tadi, kita belum sampai ke peringkat itu dan kalau sampai pun ke peringkat itu, kita hanya boleh melakukannya pada kadar yang terhad. Sekuriti itu penting.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, kalau kita tidak sampai kepada peringkat kita boleh melepaskan cagaran dalam pemberian pinjaman, tetapi cuba kita lihat dalam konteks - apa yang ingin saya bangkitkan pula bahawa keperluan bank ke atas cagaran begitu tinggi. Umpamanya, kalau kita hendak pinjam RM100 juta, kita perlu mempunyai 1.5 kali lebih kurang RM150 juta harga cagaran kita. Cuba kita bayangkan ada satu projek yang cukup 'viable' berdasarkan kepada kajian feasibiliti serta kajian 'cash flow' dan sebagainya, tetapi cagarannya tidak

sampai kepada tahap itu, tetapi kita tahu bahawa ia boleh berjaya. Bagaimanakah pihak bank akan menangani keperluan-keperluan seperti ini?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, macam saya kata tadi, di mana bank itu yakin bahawa sesuatu itu boleh berjaya, kita letak kepada bank sendiri. Tapi apa yang saya sebut, secara umumnya keyakinan bank kepada peminjam-peminjam tidak ada. Kalau dulu, walaupun cagaran dia diadakan, kita biasa mendengar masalah Bank Bumiputera dulu, yang mana cagaran tipuan diberi. Geran-geran tanah yang tanahnya tidak ada lagi, geran di tepi laut macam di Yan, di lain-lain tempat yang mana tanah telah dihakis, tanah sudah hilang, tetapi geran masih ada. Bank Bumiputera mengalami masalah itu dulu.

Jadi, jikalau wujudnya elemen-elemen penipuan itu, saya fikir keyakinan umum tidak ada. Tetapi kalau seorang itu, katalah dia billionaire, dia pergi minta untuk projek yang hanya menelan ongkos RM2 juta, tentu bank boleh beri pada dia. Dengan hanya menulis 'agreement' sahaja. Tetapi soal ini adalah soal yang pada saya terlalu jauh untuk kita menanganinya ataupun yang telah kita tangannya di dalam bidang pertanian, di dalam sistem pemberian 'supervised credit' yang tidak ada cagaran.

Jadi, Yang Berhormat bangkit mengapa ianya terlalu banyak 1.5 kali ganda daripada yang kita ambil. Itu mungkin disebabkan keyakinan bank terhadap pembayaran balik masih lagi kurang. Jadi, ini terletak kepada bank di mana mereka yang menentukan dan mereka adalah orang yang paling baik, orang yang paling berkelayakan mengetahui tentang keadaan di dalam pasaran. Jadi, cadangan Yang Berhormat itu baik, tetapi mungkin kita belum capai lagi, even walaupun pada kadar yang terhad.

Perkara kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan 'shipping'. Tidak ada 'expansion' hanyalah Bank Industri yang pada masa ini memanglah pihak Perbendaharaan mewujudkan satu dana atau satu tabung yang jumlah RM1.1 bilion untuk 'shipping' iaitu untuk perkapalan. Baik di dalam membeli kapal, mahupun menjalan pengurusan kapal. Ianya disalurkan melalui Bank Industri. Kita harap lain-lain bank akan mengikut contoh-contoh ini kerana saya setuju dengan Yang Berhormat dari Tambun dan juga Yang Berhormat dari Balik Pulau yang mengatakan bahawa hanya kita memberi penumpuan pemberian loan kepada tanah, hartanah, rumah dan lain-lain lagi. Dan 25% ini dikatakan terlalu tinggi, saya setuju kerana kita lihat seperti mana Yang Berhormat kata pengalaman

yang dialami oleh Jepun, ekonomi Amerika dan lain-lain lagi kerana berlakunya penumpuan ini. Kita setuju dan kita akan mengambil kira cadangan-cadangan Yang Berhormat supaya ianya diagihkan sama rata, khususnya kepada bidang-bidang yang lebih mendatangkan hasil yang cepat dan yang lebih pada kadar yang tinggi.

Dan mengenai dengan memberi kepada pembelian saham. Pihak kerajaan telah pun mengambil tindakan dengan Bank Negara memberi nasihat-nasihat kepada bank supaya jangan terlalu banyak digunakan untuk pembelian saham, diberi pinjaman untuk pembelian saham. Apa yang hendak dikatakan oleh kedua-dua Yang Berhormat, 'in the nutshell', dengan izin, Tuan Pengerusi, ialah kita mahu pinjaman itu diberi kepada aktiviti-aktiviti yang mengeluarkan 'goods and services'. Bukan aktiviti-aktiviti yang digunakan untuk 'paper shuffling' yang digunakan untuk mewujudkan kekayaan di atas angin. Betul tak Yang Berhormat berdua? Ya, itu yang hubungkan dengan 'in the nutshell'.

Jadi, di sini pihak kerajaan, saya fikir pihak Bank Negara, dan juga pihak-pihak Kementerian Kewangan tentu sedar tentang hakikat ini, iaitu kita mahu semua loan, semua pinjaman diberi ke arah ini kepada aktiviti yang mengeluarkan 'goods and services'. Jadi, inilah yang hendak kita lakukan dan sampai masanya di dalam pembangunan ekonomi negara kita tumpukan kepada itu.

Tuan Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Pengerusi, tadi dalam ucapan saya, saya ada bangkitkan tentang pemberian pinjaman secara bercagar, 'mentality' pemberian pinjaman secara bercagar dan tahap 'expertise bankers' kita. Dalam penilaian saya tahap expertise kita begitu rendah, itu sebabnya antara sebab mengapa bahawa pihak-pihak bank perlukan cagaran begitu tinggi kerana mereka tidak mempunyai kepakaran yang tinggi untuk melakukan analisis serta mengawasi pinjaman-pinjaman.

Malahan, dalam pemberian pinjaman daripada apa yang saya dapati, dia berdasarkan kepada berapa jumlah cagaran, itu sahaja. Dia tidak ada buat analisis feasibiliti, financial dan sebagainya. Itu antara sebab mengapa kita menekankan kepada 'colateral' untuk memberi pinjaman. Dan apa yang ingin saya bangkitkan tadi, bagaimana kita hendak mengatasi masalah untuk meningkatkan tahap expertise dan profesionalisme kita? Terutama dalam kita hendak menangani terlaksananya nanti General Agreement on Tariffs and Trade Services (GATTS), apabila bank-bank luar datang ke sini yang bersaing dengan bank-bank kita.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya setuju dengan Yang Berhormat dari Tambun tadi kerana saya pun kata macam itulah. Kalau kita tidak ada cagaran, kita kena ada expertise yang 'supervise', yang 'follow-up', dengan izin, bahawa orang yang kita memberi pinjaman itu mempunyai 'the ability to produce', jadi dalam supervice credit, saya setuju seperti yang saya kata pada Yang Berhormat Kota Melaka tadi bahawa kita perlu. Kita sekarang menghadapi masalah kekurangan expertise di dalam etika perbankan kita.

Mengenai dengan liquiditi bank, kata Yang Berhormat memanglah seperti mana yang dibangkitkan oleh Kepong mengenai dengan liquiditi yang ada pada masa sekarang, pihak Bank Negara sentiasa memastikan bahawa ianya tidak menjejaskan kedudukan ekonomi negara.

Saya hendak lompat ke Kepong sebelum saya balik kepada Balik Pulau. Kepong janganlah terlalu ghairah hendak mengkritik kerana yang pentingnya bukan liquiditi itu, Ahli Yang Berhormat dari Kepong, yang pentingnya apakah implikasi liquiditi itu kepada ekonomi negara?

Kalau liquidity tidak menjejaskan, misalannya kedudukan inflasi, apa salahnya? Bagus liquidity. Liquidity kadang-kadang bagus, di dalam pasaran saham pun liquidity penting untuk memastikan keghairahan ataupun vibrants, dengan izin, pasaran saham itu. Jadi, soalnya di sini, Yang Berhormat dari Kepong, bukan liquidity 'perse' tetapi implikasi liquidity kepada inflasi misalnya. Kalau liquidity tinggi, tetapi kita dapat mengawal inflasi - memanglah apabila Bank Negara terpaksa menaikkan Statutory Reserve ataupun terpaksa dengan sendiri moping-up wang liquidity yang banyak ini, inya kena akru kos kepada Bank Negara, tetapi soalnya apa yang dilakukan oleh Bank Negara mempertahankan inflasi pada 3.6% adalah satu perkara yang baik. Jadi, janganlah kita terlalu kecu apabila kita melihat liquidity itu tinggi. Tetapi apabila Bank Negara mengambil tindakan, memang Bank Negara melakukannya demi menjaga kedudukan pembangunan ekonomi kita.

Yang Berhormat dari Balik Pulau sebagai.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: saya akan datang kepada Yang Berhormat, boleh duduk dahulu. Oleh sebab ada cross reference

kepada Yang Berhormat, sebab itu saya sebut Yang Berhormat. Saya akan datang balik.

Yang Berhormat dari Balik Pulau sebagai bekas Profesor Ekonomi Universiti Utara Malaysia telah memberi satu kuliah kepada kita - saya setuju, tetapi dia mengatakan bahawa vertical integration tidak efisien - saya tidak berapa setuju kerana seperti mana yang saya katakan tadi vertical integration ada tempat yang tidak baik, ada tempat yang baik. Ini terletak kepada kedudukan misalnya dalam pertanian. Vertical integration memang efisien, kerana vertical integration dalam pertanian memastikan bahawa segala sumber itu digunakan sepenuhnya-penuhnya dan seefisien-efisiennya - mungkin vertical integration tidak cekap di dalam sektor-sektor lain.

Jadi, di sini seperti mana yang saya jawab kepada Yang Berhormat tadi, soal vertical integration telah pun saya jawab. Tetapi Yang Berhormat membangkitkan masalah One-Off di dalam Maksud B.28 mengenai dengan ASEAN Potash Mining Project.....

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Balik Pulau, bangun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya.

Dr. Nungsari bin Ahmad Radhi: Sebelum pergi ke situ, kita boleh bersetuju vertical integration itu ada ketika ianya baik dengan syarat yang vertically integrated itu bukan monopoli. Kalau monopoli ada 2-3 vertically integrated, tidaklah seteruk dimonopoli vertically integrated.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Jadi, di dalam ilmu ekonomi kita 'setuju' untuk 'setuju'.

Dalam ekonomi, untuk pengetahuan Tuan Pengerusi juga, ekonomi adalah satu yang dikatakan decimal science, kadang-kadang setuju dan kadang-kadang tidak setuju, dua profesor berlainan pendapatnya dan kadang-kadang orang kata ahli ekonomi yang selalu mengatakan on one hand, this is the situation; on the other hand, this is another situation. So the best economy is the one hand economy kerana dia ekonomis kerana dia hanya boleh mengatakan sesuatu. Jadi, di sinilah Yang Berhormat dengan saya berlainan pendapat dan ada bidang yang kita 'setuju' dan ada yang kita tidak 'setuju'.

Tuan Pengerusi, mengenai dengan ASEAN Potash - pengeluaran Potash, setakat ini penyertaan ekuiti oleh Kerajaan Malaysia adalah berjumlah

RM7.78 juta iaitu terdiri dari bayaran initial registered share capital berjumlah RM1.397 juta dan bayaran kedua sebanyak RM6.38 juta.

Panggilan ekuiti peringkat ketiga yang dijadualkan pada tahun 1992 telah ditangguhkan sehingga tahun ini, iaitu panggilan ekuiti dijangkakan dibuat pada bulan Mac, 1997 - tahun hadapan dan panggilan ekuiti ini adalah sebanyak RM12.5 juta. Adalah dijangkakan pengeluaran potash secara komersial akan bermula pada akhir tahun 1998 - dua tahun lagi.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa potash ini atau *calium* dalam bahasa Latinnya digunakan untuk pembuatan baja iaitu 'potassium nitrate' dan untuk digunakan bagi pembuatan pengeluaran sabun dan juga bahan-bahan kimia yang penting di dalam industri.

Mengenai dengan CTRM yang ditanya oleh Yang Berhormat dari Balik Pulau. CTRM adalah singkatan kepada Composite Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. Ia adalah sebuah syarikat milikan penuh kerajaan di mana matlamat penubuhannya adalah untuk menerokai industri berteknologi tinggi di dalam bidang angkasa lepas dan bukan angkasa lepas, berasaskan kepada bahan komposit, iaitu bahan yang baru dalam industri.

ATSC pula adalah singkatan bagi Aerospace Technology System Corporation Sdn. Bhd. yang bertujuan untuk menyelenggara kapal terbang terutamanya buatan Russia. Syarikat merupakan milikan kerajaan dan kerajaan Russia jadi joint-venture di antara kerajaan kita dengan Kerajaan Russia.

SME Industries Sdn. Bhd. merupakan syarikat 100% dimiliki oleh Khazanah Nasional, ianya terlibat dalam pembuatan bahan-bahan peluru dan juga senjata-senjata kecil - kesemua syarikat ini terlibat di dalam sektor teknologi tinggi dan strategik. Jadi, inilah jawapan kepada pertanyaan Yang Berhormat dari Balik Pulau.

Yang Berhormat juga risau mengenai dengan asset driven inflation ini. Perkara ini sudah saya jawab tadi, kita akan memperbetulkan keadaan agar struktur ekonomi negara akan dialihkan kepada struktur perindustrian iaitu pengilangan, perdagangan dan lain-lain lagi. Yang pentingnya pada masa ini kita di dalam proses untuk meningkatkan sumbangan sektor perkhidmatan daripada 43% yang ada sekarang kepada 60%, insya-Allah pada akhir abad ini. Pengilangan hendaknya merupakan 30% sahaja daripada

sumbangan pada ekonomi negara dan pertanian 10%. Inilah keadaan yang dikatakan ideal yang dinasihatkan oleh penasihat 'Kenichi Ohmae' iaitu Malaysia sepatutnya ada 60:30:10 apabila dia mencapai tahap tahun 2020.

Jadi, struktur organisasi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi tidak cekap dan lain-lain lagi saya telah menjawabnya. Saya harap Yang Berhormat sebagai seorang ahli akademik dapat mengkaji apakah, dengan izin, the best structural organisation yang patut diadakan di negara ini di dalam bidang ekonomi, tetapi saya hendak memberi jalan sedikit pada Yang Berhormat, the best is not one organisation, dengan izin, kerana percampuran itu yang penting. Kerana kalau kita tengok sejarah pembangunan ekonomi negara ianya adalah berasaskan kepada model percampuran di antara kapitalisme dan sosialisme. Kapitalisme di dalam production, sosialisme di dalam pengagihan.

Yang Berhormat dari Kepong telah membangkitkan beberapa masalah, iaitu masalah pengurusan kewangan yang kurang cekap. Saya tidak pernah memberitahu dia kementerian mana yang tidak cekap. Saya tidak pernah memberitahu Yang Berhormat 7 kementerian yang tidak cekap, Yang Berhormat dapat daripada orang lain, bukan daripada saya.

Jadi, ingin saya nyatakan di sini yang disebut di dalam akhbar dahulu ada beberapa buah negeri. Ingin saya nyatakan bahawa negeri-negeri yang tidak menunjukkan pengurusan kewangan yang tidak cekap disebabkan oleh ketiadaan akauntan yang bertauliah, akauntan yang berpengalaman yang menguruskan kewangan di negeri-negeri itu.

Jadi, pihak Akauntan Negara di dalam Perbendaharaan sedang menyusun langkah-langkah untuk memastikan bahawa mereka ditambahkan kecekapannya dari berbagai-bagai bentuk.

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya kata 'menyusun', hendak tanya apa lagi, sedang menyusun.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Minta jalan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi,

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Saya belum bagi, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Dia belum bagi.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Okaylah, bagilah. [Ketawa]

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa kalaulah yang disebutkan negeri-negeri itu di kebanyakan agensi di bawah kementerian-kementerian juga. Adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa semua 24 kementerian sekarang mempunyai prestasi yang sangat baiklah dalam bidang pengurusan kewangan dan tidak ada termasuk pendidikan, kerjaya dan sebagainya yang telah saya sebutkan tujuh. Semua ini baik belaka, tidak payah pihak kementerian mengawal selia semua ini.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat selepas tiga penggal ada dalam Dewan ini, dia tidak tahu siapa, yang kawal selia ialah Audit Negara, bukan Kementerian Kewangan. Dia yang kawal selia, kita hanya di bawah Accountant General memastikan pembayaran dan lain-lain lagi mengikut peraturan. Yang mengawal selia ialah Audit Negara, bukan di bawah Kementerian Kewangan.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah ini bermakna Yang Berhormat di dalam kementeriannya tidak akan memonitor prestasi semua kementerian? Kementerian Kewangan hanya mengeluarkan wang, luluskan wang begitu sahaja, tidak payah memonitor semua ini. Adakah ini fungsi kementerian sebenarnya?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Kewangan - Perbendaharaan hanya memastikan prosedur-prosedur itu diikuti, mewujudkan prosedur kewangan dan lain-lain lagi. Jadi, soal mengawal selia, memeriksa semua adalah Audit Negara tetapi dalam hal ini, Kementerian Kewangan juga bertanggungjawab untuk memastikan kecekapan itu diwujudkan di dalam kementerian-kementerian ini.

Yang Berhormat dari Kepong telah bertanyakan, apakah tahap Mudah Tunai Negara pada masa ini? Dan beliau telah membangkitkan bahawa BNM telah menaikkan statutory reserve kepada 13.5 peratus, saya telah menjawab tadi dan saya telah menjawab tentang soal overheating. Yang Berhormat, tidak perlulah saya ulang, kalau Yang Berhormat hendak tanya apa tadi Yang Berhormat bangun, saya suruh duduk. Hendak tanya dalam hal ini, boleh tanya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa jawapan itu tidak lengkap. Tidak lengkap. Kalau masalah Mudah

Tunai tidak timbul, mengapa pihak Bank Negara terpaksa mempertingkatkan SRR? Mengapa? Kalau itu bukan masalah, semua beres, kalau Mudah Tunai itu banyak pun tidak jadi masalahlah sekarang. Kalau itulah yang disebutkan tadi, mengapa pihak Bank Negara mengambil tindakan, dengan meningkatkan peratusan SRR kepada 13.5 peratus? Bukankah pihak Bank Negara sedang mengira, mempertimbangkan sama ada menaikkan kadar faedah, hinggalah seterusnya kalau SRR tidak berkesan kemudian diikuti dengan kenaikan kadar faedah? Bukankah ini yang sedang dipertimbangkan oleh Bank Negara?

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, Yang Berhormat ini tidak faham. Saya bukan mengatakan bahawa Bank Negara buat itu tidak betul. Bank Negara apabila menaikkan dari masa ke semasa SRR, ia mengawal dan mengurus kedudukan liquidity, jikalau liquidity itu memberi penggugatan kepada ekonomi negara iaitu peningkatan inflasi.

Jadi, banyak mekanisme dia, bukan mengikut logik straight line, Yang Berhormat. Dia berpusing-pusing. Jadi, Yang Berhormat sedia maklum, saya kata tadi, liquidity itu bukanlah faktor penghujung. Liquidity itu merupakan faktor pencetus. Jikalau liquidity itu mencetuskan inflasi maka Bank Negara mesti mengambil tindakan itu iaitu mopping-up, menaikkan SRR atau menaikkan kadar faedah.

Jadi, Yang Berhormat, faham tak? Yang Berhormat, saya bercakap, Yang Berhormat cakap, path saya.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, ini menunjukkan jawapan itu berpusing-pusing, memang berkisar-kitar. *[Disampuk]* Beliau sendiri mengakui bahawa *[Disampuk]* Mudah Tunai sudah menjejaskan inflasi itu maka SRR dinaikkan. Itulah jawapannya tadi.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, dia tidak belajar ilmu ekonomi. *[Disampuk]* Dia adalah produk daripada had sains yang mana logiknya - straight line logic. Dia dengan saya semacam sahaja, Tuan Pengerusi. Saya pun macam dia, dahulu. Saya berkelulusan Bachelor of Science tetapi apabila saya belajar ilmu ekonominya berlainan, Yang Berhormat. Jadi, sebab itu saya kata dalam satu-satu keadaan ia berlainan. Satu cara dalam keadaan ini, di tempat lain berlainan. Yang Berhormat mesti tahu perbezaan ataupun yang dipanggil epistemology - 'the science of knowl-

edge' ini berlainan di antara physiology-anatomy Yang Berhormat belajar itu dengan the game theory yang dipelajari oleh profesor dari Balik Pulau itu - berlainan.

Sebab itulah orang yang di dalam bidang Art Science, bila dia pergi ke bidang Economy, dia celaru *[Tepuk]*, dia terkandas dalam peperiksaannya. Orang daripada bidang Social Science yang pergi kepada Art Science - senang, dia boleh score 'A'. Yang Berhormat, cuba alih kepada bidang lain, Yang Berhormat dapat 'D minus' *[Ketawa]* kalau Yang Berhormat pakai straight line logic.

Jadi, saya tahu Yang Berhormat celaru sebab latar belakang Yang Berhormat adalah straight line logic. Dalam fizik, dalam biochemistry semua straight line logic. Bukan dalam ilmu yang dipelajari oleh game theory itu - fuzzy logic.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat juga membangkitkan mengenai dengan Tabung Pendidikan Nasional. Apa itu Tabung Pendidikan Nasional? Ingin saya nyatakan bahawa tabung ini adalah satu skim pinjaman yang dibuka kepada semua pelajar baru yang layak di institut pengajian tinggi, baik di dalam sektor awam mahupun di sektor swasta. Tabung ini akan diuruskan oleh sebuah perbadanan dan kutipan balik akan dibuat melalui bayaran ataupun potongan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Butir-butir lanjut mengenai tabung ini sedang dikaji oleh Kementerian Pendidikan dengan pertolongan Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat ada menyebut mengenai peti keselamatan. Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat tengok banyak filem sedikit pada masa sekarang ini, banyak cerita di Amerika yang menunjuk cerita-cerita berasaskan kepada kejadian sebenar. Tebal mana sekalipun besi yang menjadi pintu tempat keselamatan, dia boleh buka, kalau dia hendak buka.

Jadi, soal ini kita tidak boleh mengatakan bahawa Bank Negara salah dalam tidak memastikan keselamatan itu tidak ada. Pencuri ini kalau dia ikhtiar di mana pun dia boleh buka. Persoalan kita sekarang ini, bagaimana kita hendak meminimumkan kemungkinan itu? Jadi, satu daripadanya ialah memperkuatkan peti itu sendiri secara fizikal.

Yang kedua, melalui cara prosedur. Sekarang ini, Yang Berhormat sedia maklum bahawa di negara kita yang mempunyai safety deposit box, dia boleh masuk dan buka begitu sahaja. Tetapi di negara lain, Yang Berhormat sedia lihat, sebelum seseorang

itu membuka safety deposit box, dia kena berjumpa dengan seorang pegawai dahulu dan beberapa soalan ditanya. Itu satu sistem yang boleh kita gunakan di dalam memastikan safety deposit box ini tidak dicerobohi secara fizikal ataupun secara penipuan.

Akhir sekali, Ahli Yang Berhormat dari Tuaran, dia pun sudah balik, tak sabar.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ada yang bangun. Yan bangun, ya.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Ya, Yan.

Dato' Haji Badruddin bin Amiruddin: Jadi, saya tidak mahu mengganggu Yang Berhormat. Cuma satu, income tax. Income tax ini barangkali belum disentuh oleh Ahli Yang Berhormat. Cuma hendak minta satu penjelasan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selalunya kes-kes bayaran balik cukai yang telah terlajak kita caj ini, maximum period untuk menyelesaikan masalah ini berapa lama?

Yang keduanya, kalau kita bayar lambat, selalunya pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mengenakan denda. Tetapi apabila duit seseorang itu dipegang bertahun-tahun, adakah pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri bercadang untuk membayar faedah? Atau kalau faedah ini kita kata tak sedaplah, makan bunga, tetapi ganjaran di atas kelewatan dan menyusahkan orang yang telah mengeluarkan bayaran tersebut. Kerana kes saya sendiri sudah masuk tahun yang kesembilan. Jadi, saya hendak tahu jangka masa ada 10 tahun, saya ada 9 tahun.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, saya cadangkan Yang Berhormat dari Yan datang jumpa saya sendirilah. Benda ini Ketua Pengarah Jabatan Hasil Dalam Negeri pun ada dalam Dewan ini. Kita akan selesaikan masalah Ahli Yang Berhormat. Tetapi untuk pengetahuan Yang Berhormat, pihak kementerian telah pun mengarahkan Jabatan Hasil Dalam Negeri supaya membayar secepat mungkin jikalau pembayar itu ada wang yang tertanggung ataupun Jabatan Hasil Dalam Negeri terutang kepada pembayaran. Soal berapa bulan itu saya kurang pasti, Yang Berhormat.

Akhir sekali, Yang Berhormat dari Tuaran. Mengenai faedah itu kira nanti.....

Dr. Tan Seng Giaw: [Bangun]

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah, Kepong! Tak usah layanlah!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kepong bangun.

Dr. Tan Seng Giaw: Penjelasan. Kerana Yang Berhormat ini berpusing-pusing dengan game theory, dia lupa!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Hey, tanya sahajalah! Eh, cepatlah!

Dr. Tan Seng Giaw: Dia sebutkan game theory. Saya pun hendak sebutkan juga game theory. Ini berpusing-pusing, kemudian dia lupa dengan pelan strategik Bank Negara. Tidak jawab!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Pelan strategik Bank Negara apa lagi? Saya jawab mengenai SRR. Pelan strategik Bank Negara ialah memastikan bahawa inflasi tidak naik, bahawa reserve negara dipertahankan kepada tahap yang baik, iaitu sekurang-kurangnya tiga bulan sustained import dan segala perkara mikro ekonomi negara, dari soal monetary policies akan ditentukan oleh Bank Negara. Pelan strategik apa lagi? Semua itu strategik. Apa dia yang Yang Berhormat maksudkan pelan strategik itu?

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Pengerusi, adakah Yang Berhormat.....

Seorang Ahli: "Lop teng lio...!"

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sila teruskan, Yang Berhormat. Kita tak banyak masa.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Cepatlah! You are wasting time!

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kalau hendak tanya, tanya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: [Menyampuk]

Dr. Tan Seng Giaw: Saya hendak tanya, tetapi bising sangat. Saya hendak... [Disampuk] Jangan bising sangat!

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Cepat, cepat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: What are you trying to do?

Dr. Tan Seng Giaw: Bank Negara itu mempunyai peranan yang penting. Maksud saya mungkin Bank Negara mesti mengkaji sumber di dalam negara ini dan juga mengkaji bagaimana sistem bayaran elektronik nasional dapat diadakan

dan bagaimana prestasi institusi kewangan tempatan dapat ditingkatkan dan juga bagaimana latihan dan pendidikan kepada guna tenaga. Ini semua mesti diadakan untuk pelan strategik Bank Negara.

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Tuan Pengerusi, itu bukan pelan strategik. Itu kerja harian - day-to-day work Bank Negara. Dia tidak tahu apa dia strategic dengan routine. Itu bukan strategik, Yang Berhormat tak faham.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah Kepong!

Dato' Haji Badruddin bin Amiruldin: "Kisi funlah! *[Ketawa]* "Lop teng lio, kisi funlah!"

Dr. Tan Seng Giaw: *[Menyampuk]*

Dato' Dr. Affifudin bin Haji Omar: Okay, okay. Saya faham. Yang Berhormat dari Kepong dia tidak tahu apa dia strategik dan apa dia routine, day-to-day business. Yang itu perkara routine. Bank Negara akan lakukan itu semua, jawapan saya.

Yang Berhormat dari Tuaran membangkitkan masalah mengenai janji-janji Barisan Nasional kepada Sabah. Saya ingin menyatakan di sini bahawa Sabah setakat ini menerima wang yang paling banyak di antara 13 negeri di dalam persekutuan. Sabah setakat ini menerima RM166 juta yang nombor satu dan capitation grant diberi dengan sepenuhnya iaitu RM21 juta untuk tahun 1996 dan pemberian kepada perbelanjaan jabatan-jabatan sebanyak RM21 juta. Jadi, di sini saya ingin mengingatkan Yang Berhormat dari Tuaran bahawa pembangunan ekonomi hasilnya kita tidak dapat lihat dalam setahun atau dua tahun. Ianya mengambil masa. Jadi, untuk beliau mengungkit-ungkit bahawa Barisan Nasional tidak menepati janji adalah tidak berasas sama sekali.

Beliau juga telah membangkitkan soal food strategy iaitu mengenai dengan potensi ekonomi sumber, khususnya makanan. Saya yatakan di sini bahawa kerajaan tidak pernah mengabaikan ekonomi pemakanan ataupun ekonomi pertanian secara umumnya kerana kalau dilihat perbelanjaan kerajaan tiap-tiap tahun, sektor pertanian mendapat peruntukan yang paling banyak, termasuk sektor luar bandar.

Jadi, untuk Yang Berhormat mengatakan bahawa kita terlalu ghairah mengeluarkan bahan-bahan elektronik dan lain-lain bahan pengilangan sehingga melupakan pertanian adalah tidak benar sama sekali kerana apa yang kita lakukan ialah untuk memastikan bahawa kita mendapat laba yang paling banyak melalui sektor perindustrian.

Ingin saya nyatakan kepada Yang Berhormat dari Tuaran bahawa negara kita mempunyai limitation ataupun had-had tersendiri di dalam bidang pengeluaran pemakanan disebabkan oleh iklim dan ketiadaan tanah dan juga kesuburan tanah. Kita hanya dapat mengeluarkan makanan setakat yang kita mampu dan kita tidak seharusnya menumpukan segala sumber kita kepada bidang ini yang mana makanan yang lebih murah dapat kita beli daripada negara-negara jiran.

Yang Berhormat juga menyebut yang pentingnya mengapa pelaburan Malaysia sendiri keluar dari negara mereka kalau potensi ekonomi mereka sangat meyakinkan potensi ekonomi Malaysia. Yang Berhormat tidak memahami kaedah pembangunan ekonomi kerana apa yang kita lakukan dengan melabur di luar negeri ialah untuk mengambil peluang kemudahan comparative advantage apabila syarikat-syarikat Malaysia melaburkan banyak wang di dalam bidang kelapa sawit di Sumatera misalannya sebab Sumatera mempunyai comparative advantage dari segi tanahnya yang lebih subur, dari segi tenaga buruhnya yang lebih murah dan juga dari segi kebolehan yang menerobos pasaran. Jadi, di sini, Yang Berhormat perlu membaca sedikit mengenai asas-asas pelaburan dan ekonomi antarabangsa supaya tidak keluar hujah-hujah sebegini yang menunjukkan kejahilan di dalam bidang pembangunan ekonomi.

Yang Berhormat juga membangkitkan perkara-perkara mengenai penjualan aset-aset negeri Sabah, mengenai Sabah Bank yang disenaraikan melalui syarikat kerana apa yang dilakukan di dalam penyenaaran kepada Sabah Bank melalui syarikat adalah satu strategi yang mana Sabah Bank mempunyai lebih banyak pemegang-pemegang ekuiti yang mungkin merupakan satu masalah jikalau ianya disenaraikan sebagai Sabah Bank sahaja.

Dasar Perindustrian juga ditanyakan oleh Yang Berhormat. Ingin saya nyatakan ini adalah bidang MITI, bukanlah bidang Kementerian Kewangan.

Yang Berhormat bolehlah bangkitkan perkara ini di dalam perbahasan mengenai kementerian itu. Akhir sekali, Tuan Pengerusi, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada lima orang sahabat saya dari Kota Melaka, Kepong, Balik Pulau, Tambun dan juga Tuaran yang telah memberi perbahasan yang panjang lebar dan bernas yang mana cadangan-cadangan bernas mereka akan diambil kira oleh kementerian ini untuk memperbaiki usaha kita dalam membangunkan negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM178,277,000 untuk Maksud B.28; RM661,504,800 untuk Maksud B.29; RM2,882,800,000 untuk Maksud B.30; RM264,333,700 untuk Maksud B.31; RM226,890,600 untuk Maksud B.32; dan RM42,151,200 untuk Maksud B.33 di bawah Kementerian Kewangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM178,277,000 untuk Maksud B.28; RM661,504,800 untuk Maksud B.29; RM2,882,800,000 untuk Maksud B.30; RM264,333,700 untuk Maksud B.31; RM226,890,600 untuk Maksud B.32 dan RM42,151,200 untuk Maksud B.33 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi: Masalahnya ialah perbelanjaan sebanyak RM391,000,080 untuk Maksud P.28; RM92,000,000 untuk Maksud P.31 dan RM500,000,000 untuk Maksud P.53 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 1997 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM391,000,080 untuk maksud P.28; RM92,000,000 untuk Maksud P.31 dan RM500,000,000 untuk Maksud P.53 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 1997.

Maksud B.34 [Jadual] -

Maksud P.34 [Anggaran Pembangunan, 1997]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.34 dan Kepala Pembangunan P.34 di bawah Kementerian Kesihatan terbuka untuk dibahas. Telok Kemang.

6.02 ptg.

Dr. L. Krishnan [Telok Kemang]: Terima kasih, Tuan Pengerusi sebab memberi saya peluang untuk menyentuh sedikit Maksud Bekalan 34 Butiran 020400 Pendidikan Kesihatan dan 020300 Kawalan Penyakit.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita telah pun mengakui hakikatnya mengenai laporan akhbar *The Sun* bertarikh 8hb. November, 1996 "*all the evidence*

find clearly that the incident of smoking related diseases and that have increase significantly". Laporan kajian Kementerian Kesihatan Malaysia tahun 1986 menunjukkan bahawa terdapat lebih 1.7 juta orang perokok di Semenanjung Malaysia. Bahagian Kawalan Penyakit Kementerian Kesihatan pada tahun 1995 pula menyatakan bahawa 51% daripada kaum lelaki di negara kita adalah perokok. Ini adalah angka-angka yang begitu menggerunkan kita.

Tuan Pengerusi, 85% daripada asap rokok yang dikeluarkan semasa merokok tidak disedut oleh perokok, malahan asap tersebut dilepaskan ke dalam atmosfera sekelilingnya untuk mereka yang tidak merokok seperti saya untuk menghadapi penyakit barah melalui agennya seperti benzo alpha chain. Tuan Pengerusi, perokok secara tidak langsung, passive smoking menambahkan risiko mengidap penyakit barah paru-paru sebanyak 10-30 kali dan di kalangan wanita pula, ianya akan meninggikan lagi kadar penyakit barah rahim selvik serta juga menyebabkan penyakit jantung.

Kanak-kanak daripada keluarga di mana ibu bapa adalah perokok mempunyai risiko dua kali lebih tinggi untuk menghadapi penyakit lelah, asma atau juga beberapa komplikasi yang berkaitan dengan penyakit sistem pernafasan. Ibu-ibu yang merokok secara aktif atau tidak aktif, passive smoking semasa mengandung pula mempunyai risiko yang tinggi kerana ini juga boleh menyebabkan anak dalam kandungan menjadi cacat akal atau cacat anggota.

Tuan Pengerusi, Kerajaan Malaysia telah menggazetkan beberapa kawasan larangan merokok seperti yang diluluskan oleh Kabinet baru-baru ini pada 30hb. Oktober, 1996 termasuklah tempat-tempat seperti kedai berhawa dingin, restoran, pejabat-pejabat kerajaan dan kenderaan pengangkutan awam. Sesiapa yang melanggar undang-undang ini boleh dikenakan kompaun sehingga RM1,000 dan sesiapa yang disabit kesalahan di mahkamah pula boleh dikenakan denda sehingga RM5,000 atau penjara sehingga dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Saya rasa ragu-ragu bahawa adakah terdapat penguatkuasaan sepenuh dalam soal ini ataupun sejauh manakah penguatkuasaan ini benar-benar berkesan. Setiap kali saya pergi ke kedai-kedai atau restoran berhawa dingin di mana tempat tersebut mempunyai papan tanda tempat larangan merokok tetapi tidak siapa yang mengikutnya. Mereka yang masuk pun mudah sahaja merokok di sana kerana tidak ada sesiapa yang menahan mereka. Ada juga

pemilik restoran yang menggalakkan pelanggan mereka dengan menyediakan bekas untuk puntung rokok (ash tray). Yang paling aneh sekali ialah perkara seperti ini juga boleh terjadi di kantin Parlimen kita ini.

Tuan Pengerusi, walaupun merokok diharamkan di dalam kenderaan pengangkutan awam, namun terdapat penumpang-penumpang bas yang masih lagi merokok di dalam kereta sewa, teksi dan kenderaan persendirian pula masih terdapat bekas puntung rokok (ash tray) dan pemetik api (lighters) yang menggalakkan tabiat merokok secara langsung dan juga secara tidak langsung.

Tuan Pengerusi, saya rasa bahawa kita perlu sedar mengenai hakikat tabiat merokok ini dan boleh membetulkan keadaan melalui langkah-langkah seperti:

Pertama, orang awam perlu diberitahu mengenai undang-undang anti merokok melalui media elektronik dan media massa secara lebih agresif lagi.

Kedua, penguatkuasaan undang-undang antimerokok patut dikuatkuasakan dengan lebih tegas lagi. Saya difahamkan bahawa hanya terdapat seramai 1,447 orang pegawai penguatkuasa di Kementerian Kesihatan. Jika ianya tidak mencukupi, lebih ramai pegawai penguatkuasa haruslah direkrutkan. Saya juga ingin mengetahui mengenai jumlah kompaun yang telah dikeluarkan ke atas pesalah undang-undang antimerokok dan berapa ramai daripada mereka yang telah dihadapkan di mahkamah serta jumlah denda yang.....

Tuan Yunus bin Rahmat: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Jelebu bangun.

Dr. L. Krishnan: Sekejap saya habis.

Tuan Yunus bin Rahmat: Satu second.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Beri jalan.

Tuan Yunus bin Rahmat: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya tertarik dengan hujah Ahli Yang Berhormat dari Telok Kemang. Kita ada undang-undang tetapi kita kurang melaksanakan. Banyak kawasan yang kita tambah tetapi kesannya pun tidak berapa. Jadi di atas hujah Yang Berhormat itu, adakah Yang Berhormat bercadang untuk kementerian membuat justifikasi untuk mendapatkan bilangan anggota penguatkuasa yang lebih, yang boleh dan mampu untuk menangani masalah ini supaya message itu dapat disampaikan, objektif dapat dilaksanakan dan nama baik kementerian akan melambung tinggi. Terima kasih.

Dr. L. Krishnan: Saya memang setuju sebab saya dapati bahawa para penguatkuasa dalam bidang ini di kementerian amatlah kurang dan saya harap Kementerian Kesihatan akan rekrutkan lebih penguatkuasa untuk menjaga atau melaksanakan undang-undang yang telah diluluskan di Parlimen ini.

Saya ingin tahu berapa ramai daripada mereka yang telah dihadapkan ke mahkamah serta jumlah denda atau kompaun yang telah dipungut sehingga masa kini. Saya juga harap Kementerian Kesihatan akan mengarahkan Kementerian Penerangan supaya semua iklan yang menggunakan jenama rokok di media massa hendaklah diharamkan terus.

Ketiga, papan-papan tanda larangan merokok (no smoking sign) tidak dihiraukan oleh orang awam pada masa sekarang dan ianya perlu diubahsuai supaya membawa kesan yang lebih efektif.

Keempat, tabiat merokok wajib diharamkan di semua jenis kenderaan berhawa dingin yang membawa penumpang, termasuklah kenderaan persendirian.

Kelima, oleh kerana bekas habuk, iaitu ash tray dan pemetik api (lighter) yang terdapat dalam kenderaan menggalakkan tabiat merokok, maka Kementerian Kesihatan haruslah menasihatkan pengeluar-pengeluar kenderaan tempatan supaya tidak menyertakan kedua-dua item ini semasa pengeluaran kenderaan.

Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Kemaman.

6.11 ptg.

Dr. Ramli bin Taib [Kemaman]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk Butiran 030700 - Obstetrik dan Ginekologi.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini terdapat peningkatan kes-kes yang dibawa ke mahkamah terhadap doktor hospital kerajaan dan juga pengamal perubatan swasta dan general practitioner berkaitan dengan obstetrik dan ginekologi. Kebanyakan saman melibatkan kecuaiannya semasa bertugas dan juga kurang kepakaran semasa mengendalikan (delivery) yang mengakibatkan kecacatan, kecederaan dan kematian bayi-bayi yang baru dilahirkan.

Seorang pengamal perubatan mempunyai tanggungjawab untuk merawat pesakit dengan kecekapan profesional yang ada padanya dengan sebaik mungkin. Di bawah undang-undang adalah menjadi duti kepada pengawal perubatan tersebut

untuk memberi rawatan dan nasihat dengan cekap dan teliti. Dalam kes-kes obstetrik tentulah mereka ini memerlukan kepakaran tertentu di dalam bidang obstetrik ini untuk memberi nasihat dan rawatan kepada ibu-ibu mengandung dan anak-anak yang akan dilahirkan. Dalam kes kecuai atau medical negligent di dalam obstetrik ini mungkin disebabkan oleh sesuatu yang telah dilakukan atau kegagalan pengamal perubatan tersebut membuat sesuatu yang sepatutnya dibuat sehingga menyebabkan kecederaan atau kecacatan bayi yang dilahirkan.

Contohnya, kegagalan atau kurang teliti melakukan forcep delivery menyebabkan kecederaan mata bayi umpamanya atau membiarkan bayi di dalam keadaan distress tanpa oksigen menyebabkan kekurangan oksigen sehingga menyebabkan brain damage. Peningkatan kes-kes ini di mahkamah bukan disebabkan pengamal-pengamal semakin cuai, tetapi peningkatan kesedaran orang ramai terhadap hak-hak pesakit dan tindakan-tindakan yang boleh diambil ke atas pengamal perubatan yang kurang teliti dan cuai. Sehubungan dengan itu, saya ingin menarik perhatian kementerian tentang klinik-klinik perbidanan atau maternity homes yang semakin banyak dibuka di seluruh negara, terutamanya maternity homes yang dikendalikan oleh pengamal perubatan biasa atau general practitioner biasa yang bukan pakar.

Apakah peruntukan undang-undang yang sedia ada mencukupi untuk mengawal penubuhan maternity homes ini oleh seorang general practitioner yang bukan pakar di dalam O&G. Apakah garis panduan yang ditetapkan oleh kementerian atau syarat-syarat tertentu dikenakan supaya klinik-klinik bidang ini diurus dengan baik supaya kepentingan orang ramai dan juga demi menjaga pengamal perubatan tersebut sebelum dihadapkan ke mahkamah? Kerana jumlah pampasan yang dikenakan biasanya tersangat tinggi dan mungkin tidak bertanggung oleh general practitioner yang tidak mengenakan bayaran sebagaimana kadar specialist lain.

Saya juga ingin kalau boleh kementerian memberi angka atau jumlah kes-kes kecuai yang telah dibawa ke mahkamah sepanjang tahun 1995 dan 1996 ini dan berapa banyakkah pampasan yang telah dibayar.....

Tuan Noh bin Omar: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, Tanjong Karang bangun.

Dr. Ramli bin Taib:kepada mangsa-mangsa atau pesakit-pesakit.

Tuan Noh bin Omar: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya pendapat Yang Berhormat sebagai seorang doktor. Saya bertanya sebagai seorang lawyer. Saya ada kes, saya setujulah kes-kes terutamanya di luar bandar kadang-kadang kecuai doktor, kadang-kadang ada yang sakit bertambah sakit pun ada. Saya ada satu kes. Masalah yang kita hadapi macam peguam, kita sukar hendak mencari saksi daripada kalangan doktor sendiri. Jadi, bagaimana pandangan Yang Berhormat. Adakah bahagian kedokteran ini boleh membantu pihak peguam, doktor-doktor yang sanggup menjadi saksi kepada plaintiff against untuk membantu peguam sebagai peguam plaintiff dalam tuntutan kecuai yang dilakukan oleh doktor? Adakah doktor sanggup untuk menjadi saksi kepada kes-kes plaintiff ini?

Dr. Ramli bin Taib: Saya rasa setiap doktor yang melakukan operation, yang melakukan delivery itu sepatutnyalah menjadi saksi. Jadi, saya tidak tahu bagaimana doktor itu tidak seharusnya menjadi saksi kepada kes-kes tersebut. Kalau selain daripada doktor sudah tentulah staff nurse ataupun bidan-bidan yang bersama-sama dengan doktor itu yang melakukan delivery ataupun membuat operation yang seharusnya menjadi saksi.

Tuan Pengerusi, kes-kes begini bukan hanya berlaku di kalangan pengamal perubatan swasta sahaja, tetapi kerap juga berlaku di hospital-hospital kerajaan terutama di hospital-hospital daerah yang tidak mempunyai pakar sakit puan. Banyak hospital daerah bukan sahaja pengamal perubatan ini dibebankan dengan pesakit begitu ramai, tetapi juga dengan kes-kes obstetrik dan ginekologi yang bermasalah tanpa pakar-pakar sakit puan.

Justeru itu, saya menyarankan kepada kementerian supaya menempatkan pegawai-pegawai perubatan yang lebih berpengalaman di hospital-hospital daerah, dan sudah sampai masanya kementerian menempatkan O&G specialist di semua hospital daerah. Kita harap kekurangan pakar yang kita hadapi sekarang, tetapi yang memburukkan lagi keadaan ialah taburan ataupun penempatan pakar-pakar ini tidak seimbang. Kita dapati kebanyakan pakar- ini ditempatkan di bandar-bandar besar yang mempunyai institusi pengajian tinggi atau medical college seperti di Kuala Lumpur ini, tetapi kurang perhatian diberi di tempat-tempat lain yang memerlukannya. Di Hospital Daerah Kemaman umpamanya sangat memerlukan doktor-doktor

pakar ini kerana penambahan penduduk yang begitu ketara sekarang disebabkan oleh pembangunan pesat di dalam industri pada masa ini. Jadi, kita berharap pakar-pakar yang ramai di hospital-hospital di bandar bolehlah diagih-agihkan ke bandar-bandar kecil yang banyak penduduknya.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Butiran 050200 - Memperkukuhkan Program Pembangunan Kesihatan Keluarga. Saya mengalu-alukan peruntukan RM50 juta untuk pelaksanaan Program Kesihatan Warga tua yang merangkumi aktiviti-aktiviti penjagaan, perkhidmatan perubatan dan kesihatan peringkat komuniti hospital dan institusi warga tua. Warga tua boleh ditakrifkan sebagai penduduk yang berumur 65 tahun dan lebih. Statistik menunjukkan Malaysia akan mempunyai lebih kurang 2 juta penduduk yang melebihi umur 65 tahun pada tahun 2000. Perubahan ini selari dengan apa yang telah berlaku di negara Barat 10 tahun yang lalu dan juga mengikut paten seperti negara-negara Asia yang lain seperti Jepun, Korea Selatan, Taiwan dan Singapura.

Mengikut WHO, apabila 10% daripada penduduk sesebuah negara menjangkau umur 65 tahun ataupun lebih, maka negara itu adalah di tahap krisis level yang memerlukan perkhidmatan geriatrics yang baik. Oleh sebab itu, negara kita perlu melangkah ke arah itu dan membangunkan perkhidmatan geriatrics dan harus bersedia untuk menangani masalah warga tua ini. Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapa ramaiakah geriatrics specialist yang ada setakat ini dan berapa banyakkah institusi untuk warga tua yang ada di negara kita sekarang, dan apakah langkah-langkah kerajaan untuk melahirkan lebih ramai pakar geriatrics ini?

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Dr. Ramli bin Taib: Sedikit lagi, Tuan Pengerusi. Banyak lagi. Keperluan kesihatan warga tua buat masa ini dikendalikan oleh hospital-hospital besar, hospital daerah, pusat kesihatan dan klinik swasta. Kebanyakan mereka ini memerlukan penjagaan yang berpanjangan masih boleh mengharap ahli-ahli keluarga terdekat dan jarang sekali mendapat perkhidmatan dari home nursing ataupun house right. Yang lain kemungkinan terlantar di rumah-rumah kebajikan atau terbiar di hospital-hospital kerajaan.

Sejak akhir-akhir ini terdapat 'nursing home' yang dibuka oleh pihak swasta. Kebanyakan rumah ini tidak dijaga dengan sempurna, kemudahan tidak cukup, kebersihan tidak terjaga, ventilation tidak cukup dan pembantu atau pekerja yang tidak dilatih dengan sempurna. Masalah yang timbul mungkin kita tidak mempunyai mekanisme yang sempurna untuk mengawal atau memberi nasihat tentang perkara-perkara yang disebutkan tadi. Justeru itu saya ingin penjelasan dari kementerian, adakah polisi tertentu atau garis panduan mengenai warga tua disediakan oleh pihak kementerian.

Itu sahaja. Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Gelang Patah.

6.22 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberikan peluang kepada saya untuk membahaskan Maksud Bekalan 34 - Kementerian Kesihatan dan saya ingin membahaskan Butiran 020000 - Kesihatan Awam dan Butiran Kecil 020300 - Kawalan Penyakit, 020400 - Pendidikan Kesihatan, 020500 - Kawalan Mutu Makanan sekali gus.

Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil peluang ini meminta pihak Kementerian Kesihatan supaya mempertingkatkan pemeriksaan premis makanan. Saya difahamkan bahawa memang Kementerian Kesihatan ada format tertentu untuk dilakukan oleh pegawai-pegawai kesihatan supaya mengikut format itu dapat memeriksa premis makanan dengan cara yang sempurna. Dalam format itu ada 25 syarat tertentu yang mana pegawai, bila mereka memeriksa sesuatu premis boleh memberikan markah. Tiap-tiap syarat itu ada 4 markah. Bila mereka sudah periksa keseluruhan premis makanan itu, akan mendapat satu markah keseluruhannya dan menentukan sama ada premis makanan itu berada di tahap kebersihan.

Saya minta pihak Kementerian Kesihatan menentukan bahawa pemeriksaan ini perlu dilaksanakan dengan berjadual. Jika tidak, kalau premis itu diperiksa 6 bulan sekali atau setahun sekali, ini tidak akan bermakna kerana cuma melalui pemeriksaan berjadual ini baru kita dapat menentukan tahap yang tinggi.

Kedua, saya fikir pihak Kementerian Kesihatan perlu mewujudkan satu akta keselamatan makanan,

food safety act, dengan izin, seperti yang terdapat di United Kingdom. Oleh kerana kita sedang menuju kepada negara maju untuk mencapai Wawasan 2020, kita mesti mengadakan akta keselamatan makanan supaya dengan adanya akta-akta makanan yang lain, kita dapat mencapai tahap negara maju.

Tuan Pengerusi, satu perkara yang penting lagi ialah pemeriksaan premis makanan untuk mengambil contoh makanan dan minuman untuk dianalisa dari segi kimia dan materialogical - perlu dipertingkatkan. Selama ini bila kawasan itu di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan, pihak Kementerian Kesihatan sentiasa minta kerjasama daripada pegawai kesihatan pihak berkuasa tempatan untuk menjalankan kerja mengambil contoh makanan dan minuman untuk dianalisa. Tetapi memandangkan pegawai-pegawai kesihatan di pihak berkuasa tempatan, mereka ada kerja lain dan mereka tidak dapat menunaikan segala permintaan Kementerian Kesihatan untuk mengambil contoh makanan dan kerja ini sudah tidak diteruskan dan ini saya harap pihak Kementerian Kesihatan dapat mengambil perhatian.

Memandangkan ramai kawan saya meminta saya memendekkan perbincangan saya, saya terpaksa berhenti di sini kerana memberi mereka lebih peluang, kerana saya sudah berjanji saya cuma bercakap 5 minit sahaja. Sekian terima kasih.

6.25 ptg.

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Batu Gajah.

Tuan Yeong Chee Wah [Batu Gajah]: Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbincangan di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Kesihatan. Saya ingin menyentuh Butiran 050000 - Dasar Baru, Program 050600 - Meningkatkan Perkhidmatan Rawatan Perubatan.

Tuan Pengerusi, saya mengucapkan tahniah dan syabas di atas usaha Kementerian Kesihatan ini yang sentiasa prihatin dengan kesihatan orang ramai, terutamanya orang ramai yang berpendapatan rendah.

Tuan Pengerusi, negara kita berkembang dengan pesatnya dari segi pembangunan perumahan dan perindustrian di sesuatu tempat semakin hebat, tetapi pesakit di sesuatu tempat juga bertambah. Oleh

yang demikian usaha Kementerian Kesihatan untuk mempertingkatkan perkhidmatan rawatan perubatan adalah tepat.

Tuan Pengerusi, saya khawatir, hanya dengan meningkatkan perkhidmatan rawatan perubatan di hospital-hospital besar, memang tidak mencukupi. Saya mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan diversified, dengan izin, sesetengah perkhidmatan rawatan perubatan dari hospital besar ke hospital daerah.

Tuan Pengerusi, contohnya, Hospital Daerah Batu Gajah di kawasan saya - satu tempat kementerian patut mempertimbangkan. Dari Ipoh ke Batu Gajah jaraknya hanya lebih kurang 10 batu dengan wujudnya pembinaan Lumut - Ipoh Highway - perjalanan dari Ipoh ke Batu Gajah adalah terlalu senang dan selesa dan juga menjimatkan masa untuk pesakit-pesakit yang datang dari kawasan persekitaran, misalnya, Tanjong Tualang, Parit dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, Hospital Daerah Batu Gajah adalah sebuah hospital yang terlama di Negeri Perak iaitu melebihi 100 tahun dengan keluasannya lebih daripada 80 ekar. Pada masa kini di Hospital Daerah Batu Gajah terdapat 11 pegawai perubatan U3, 3 jururawat U7 dan 36 jururawat U8. Jumlah kemasukan pesakit pada satu hari adalah lebih kurang 15 orang pesakit dan pesakit luar, dengan izin, out patient, adalah kira-kira 200 orang sehari. Saya tidak berpuas hati dengan keadaan sekarang bahawa Hospital Batu Gajah tidak dilaksanakan dengan sepenuhnya - before usage, dengan izin.

Saya amat berharap bahawa pihak Kementerian Kesihatan boleh mempertimbangkan lagi kemudahan-kemudahan dan peralatan-peralatan perubatan yang canggih dan juga membekalkan pekhidmatan kepakaran perubatan di hospital Daerah Batu Gajah. Dengan berbuat demikian, bukan sahaja dapat meringankan beban kerja dan juga kesesakan di Hospital Besar Ipoh.

Saya mencadangkan supaya sebahagian perubatan di Hospital Besar Ipoh, misalnya, ortopedik dan pergigian boleh berpindah ke Batu Gajah oleh kerana suasana yang baik dan tempat yang luas dan ini akan meringankan kesesakan di Hospital Besar Ipoh.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan bahawa hanya sehari seminggu pesakit-pesakit tempatan boleh

dirawat oleh doktor pakar perubatan. Cara *seminggu sehari* sepatutnya tidak dapat diterima oleh kerana pesakit-pesakit tidak boleh menunggu hingga tarikh yang ditetapkan *seminggu sehari* untuk mendapat rawatan doktor pakar itu.

Tuan Pengerusi, saya memohon jasa baik Kementerian Kesihatan supaya menghantar sekurang-kurangnya seorang doktor pakar perubatan, *stationed*, dengan izin, atau ditetapkan di Hospital Daerah Batu Gajah untuk menjaga kesihatan dan memberi rawatan perubatan yang sewajarnya kepada orang awam.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan kerana sudi datang dan melawat Hospital Daerah Batu Gajah pada tahun lalu. Ini menunjukkan Yang Berhormat Menteri selalu memberi keprihatinan kepada orang ramai dan beliau juga memberi

peruntukan sebanyak RM2 juta untuk meningkatkan kemudahan-kemudahan dan peralatan-peralatan hospital ini.

Saya berharap semoga Yang Berhormat Menteri Kesihatan akan bersetuju dengan saya demi menggunakan kemudahan hospital Daerah Batu Gajah dengan sepenuhnya. Sekian, terima kasih.
[Ketawa]

Tuan Pengerusi [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Sudah habis! Masa untuk hari ini sudah cukup, kita sambung minggu hadapan. Dewan bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Juhar bin Haji Mahiruddin]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang minggu hadapan.,

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.